



# **KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

## **CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

### **PANDUAN KREDIT CUKAI INPUT**

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Operasi Am Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP).....	1
<b>SEPINTAS LALU.....</b>	<b>1</b>
Cukai Input .....	1
Kadar Tambahan Sama Rata .....	2
<b>HAK UNTUK MENUNTUT CUKAI INPUT .....</b>	<b>2</b>
<b>CUKAI INPUT DIBENARKAN .....</b>	<b>3</b>
Kegunaan Perniagaan berbanding Kegunaan Bukan Perniagaan.....	3
Pembekalan Yang Layak Untuk Tuntutan Cukai Input .....	5
Cukai Input Tidak Boleh Dituntut .....	10
Cukai Input Disekat.....	11
Pembekalan Kewangan Sampingan Dikecualikan .....	17
Rukun De minimis.....	21
Pengecualian Separa .....	23
Menggunakan rukun <i>de minimis</i> dalam tahun cukai atau tempoh yang lebih lama	24
Pelarasan Harta Modal .....	24
Cukai input disifatkan berkaitan dengan pembayaran wang tunai yang dibuat di dalam skim promosi .....	26
Cukai input disifatkan berkaitan dengan bayaran tunai insurans atau takaful.....	29
Tuntutan cukai input atas projek komuniti dibekalkan oleh perniagaan berdaftar .	31
Tuntutan cukai input atas perkiraan tiga pihak.....	32
<b>CARA-CARA MEMBUAT TUNTUTAN CUKAI INPUT .....</b>	<b>33</b>
Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk menuntut cukai input .....	33
Penyata .....	35
<b>PERAKAUNAN BAGI CUKAI .....</b>	<b>35</b>

Asas Perakaunan .....	35
Imbangan Cukai Input Terhadap Cukai Output.....	36
Tempoh Untuk Menuntut Cukai Input.....	37
Bayaran Balik Cukai Input .....	37
<b>BAYARAN BALIK CUKAI INPUT DI MANA BALASAN TIDAK DIBAYAR .....</b>	<b>39</b>
Kegagalan Membayar CBP dalam tempoh Enam Bulan dari Tarikh Pembekalan	39
Tuntutan Balik CBP Selepas Pembayaran Kepada Pembekal Dilakukan.....	40
Pelepasan Hutang Lapuk.....	41
<b>CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN PENDAFTARAN.....</b>	<b>42</b>
Pra-penubuhan.....	42
Pra-Pendaftaran .....	42
Pendaftaran Biasa .....	43
Pendaftaran Lewat.....	43
Pembatalan pendaftaran.....	47
Selepas Pembatalan Pendaftaran .....	48
<b>CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN URUSNIAGA KHAS DAN SKIM KHAS ..</b>	<b>49</b>
Pemindahan Perniagaan Secara Berterusan .....	49
Usaha Sama.....	49
Skim Kadar Sama Rata .....	50
Pasaran Modal.....	50
<b>CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN PENGGUNAAN SENDIRI .....</b>	<b>51</b>
Pembekalan Digunakan oleh Pengarah atau Staf .....	51
Bekalan Bersepadu Yang Digunakan untuk Membuat Pembekalan bercukai .....	52
Produk Bersepadu Yang Digunakan untuk Membuat Pembekalan dikecualikan..	52
<b>CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN PERUBAHAN PENGGUNAAN.....</b>	<b>53</b>
Lebih Potongan.....	54

Kurang Tuntut.....	55
<b>CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN ASAS PERAKAUNAN .....</b>	<b>56</b>
Perubahan Asas Perakaunan.....	56
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM.....</b>	<b>57</b>
<b>MAKLUM BALAS ATAU KOMEN.....</b>	<b>62</b>
<b>BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT .....</b>	<b>63</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu anda memahami cukai barang dan perkhidmatan serta implikasinya terhadap tuntutan cukai input.

### **Operasi Am Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)**

2. CBP yang juga dikenali sebagai Cukai Nilai Tambah di sesetengah negara adalah cukai keatas penggunaan akhir barang dan perkhidmatan. Berbeza dengan cukai jualan yang diamalkan sekarang dimana ianya adalah cukai seperingkat, CBP merupakan cukai berperingkat. Bayaran cukai dibuat di semua peringkat oleh perantara dalam proses pembuatan dan pemasaran. Walaupun cukai akan dibayar di kesemua rangkaian pembuatan dan pemasaran, akhirnya ia akan di tanggung oleh pengguna. Oleh yang demikian, cukai tersebut bukanlah kos kepada perantara maupun perbelanjaan didalam penyata kewangan.

3. Orang yang berdaftar dibawah CBP adalah dikehendaki mengenakan CBP keatas output bagi pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai yang di bekalkan kepada pengguna. Beliau dibenarkan membuat tuntutan kredit keatas apa-apa CBP yang telah di bayar keatas segala pembelian yang merupakan input kepada perniagaannya.

## **SEPINTAS LALU**

### **Cukai Input**

4. Cukai input merupakan CBP yang di tanggung ke atas pembelian atau perolehan barang dan perkhidmatan oleh orang kena cukai bagi tujuan membuat pembekalan bercukai dalam perjalanan atau penerusan perniagaan. Pembelian atau perolehan tersebut merangkumi:

- (a) Perolehan atau pembelian tempatan barang atau perkhidmatan;

#### ***Contoh 1:***

*Pembelian barang dipasaran tempatan merangkumi sebuah syarikat yang membeli bahan mentah, komponen dan alat ganti,*

*stok perdagangan serta bahan pembungkusan daripada orang berdaftar CBP dimana orang berdaftar tersebut akan mengenakan CBP keatas barang yang di beli.*

**Contoh 2:**

*Perkhidmatan yang diperolehi bagi tujuan perniagaan termasuk sewa, pajakan peralatan, perkhidmatan penyelenggaraan serta perkhidmatan perakaunan dan pengauditan.*

- (b) barang diimport;

**Contoh 3:**

*Barang diimport termasuk mesin yang diimport daripada Jepun, bahan mentah daripada Hong Kong serta pakaian daripada China.*

**Contoh 4:**

*Barang yang dikeluarkan daripada gudang yang dilesenkan dibawah seksyen 65 Akta Kastam, 1967.*

- (c) perkhidmatan diimport;

**Contoh 5:**

*Perkhidmatan diimport termasuk perkhidmatan perundingan yang dibekalkan dari perunding yang bermastautin di Australia serta hak dan lesen yang disediakan oleh sebuah syarikat yang terletak di Amerika Syarikat.*

## **Kadar Tambahan Sama Rata**

5. Cukai input juga termasuk apa-apa kadar tambahan sama rata dimana orang yang diluluskan di bawah skim kadar sama rata akan memasukkan ke dalam balasan bagi apa-apa pembekalan bercukai barang-barang yang dibuat olehnya dalam aktiviti yang ditetapkan di bawah skim ini.

## **HAK UNTUK MENUNTUT CUKAI INPUT**

6. Seseorang berhak untuk menuntut cukai input jika dia membuat pembekalan bercukai dan memenuhi kriteria berikut:

- (a) cukai input telah ditanggung;
- (b) cukai input dibenarkan;
- (c) dia merupakan orang kena cukai, iaitu seseorang yang atau yang kena didaftarkan;
- (d) barang atau perkhidmatan yang diperoleh dalam perjalanan atau penerusan perniagaan;
- (e) barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia atau apa-apa pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia.

**Contoh 6:**

*Shoez Sdn. Bhd. merupakan pengilang kasut berdaftar CBP dan membeli kulit berjumlah RM50,000 daripada Kulit Sdn. Bhd, seorang yang berdaftar dan menanggung CBP sebanyak RM3,000. Shoez Sdn. Bhd. berhak menuntut cukai input sebanyak RM3,000 bagi pembelian kulit tersebut.*

**Contoh 7:**


*Eyra Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemasaran berdaftar CBP membeli golongan plastic daripada Nina Enterprise, seorang orang bukan berdaftar sebanyak RM1,000. Eyra Sdn. Bhd. tidak berhak menuntut cukai input memandangkan dia tidak menanggung apa-apa cukai input apabila membeli golongan plastic tersebut.*

## **CUKAI INPUT DIBENARKAN**

### **Kegunaan Perniagaan berbanding Kegunaan Bukan Perniagaan**

7. Cukai input ditanggung boleh dituntut jika barang atau perkhidmatan yang diperoleh adalah untuk tujuan perniagaan. Kebiasaannya terdapat situasi di mana

pembekal memperoleh barang dan perkhidmatan yang boleh digunakan untuk kedua-dua tujuan perniagaan dan bukan perniagaan.



(a) **Digunakan sepenuhnya untuk perniagaan**

Apabila barang dan perkhidmatan dibeli untuk tujuan perniagaan, orang berdaftar tersebut layak menuntut cukai input keatas CBP yang telah ditanggung.

**Contoh 8:**

*Sebuah pengilang kelengkapan bilik tidur yang juga seorang orang berdaftar CBP membeli katil dan lukisan minyak bernilai RM5,000 untuk kegunaan dalam bilik pameran kilang. Beliau layak menuntut cukai input sebanyak RM300 ( $RM5,000 \times 6\%$ ) memandangkan katil dan lukisan minyak digunakan untuk tujuan perniagaan.*

(b) **Digunakan Sepenuhnya bagi tujuan Bukan Perniagaan**

Walau bagaimanapun, jika pembekal bercampur memperoleh barang dan perkhidmatan bagi tujuan bukan perniagaan, orang berdaftar



tersebut tidak layak untuk menuntut cukai input. Sebarang pelupusan aset tersebut dengan balasan merupakan pembekalan dan tertakluk kepada CBP. Dalam kes ini, terdapat perubahan kepada penggunaan dan orang berdaftar tersebut dibenarkan untuk menuntut cukai input.

**Contoh 9:**

*Seorang pemilik tunggal berdaftar CBP mempunyai perniagaan perkhidmatan pembersihan. Beliau membeli sepuluh pembersih hampagas untuk tujuan perniagaan. Jika dia bercadang untuk menggunakan salah satu pembersih hampagas tersebut untuk kegunaan di rumah pada masa pembelian, cukai input bagi pembersih hampagas yang digunakan di rumah tidak layak untuk tuntutan cukai input. Beliau hanya layak untuk menuntut cukai input bagi sembilan pembersih hampagas selebihnya.*

**Contoh 10:**

*EZie & Co., sebuah firma perakaunan berdaftar CBP membeli kapal layar untuk kegunaan pengarah pada hujung minggu. Walaupun EZie & Co telah menanggung cukai input bagi pembelian kapal layar tersebut, ia tidak digunakan dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya. Oleh itu, EZie & Co tidak layak untuk menuntut cukai input keatas pembelian kapal layar tersebut.*

## **Pembekalan Yang Layak Untuk Tuntutan Cukai Input**

8. Secara umumnya, orang kena cukai layak menuntut cukai input yang diagihkan kepada pembuatan pembekalan berikut:

- (i) pembekalan bercukai;
- (ii) input yang digunakan untuk membuat pembekalan bercukai di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia;
- (iii) apa-apa pembekalan lain sebagaimana yang ditetapkan.

(i) **Pembekalan Yang Digunakan untuk Membuat Pembekalan Bercukai**

Pembekalan bercukai merangkumi pembekalan berkadar standard dan berkadar sifar.

**Contoh 11:**

*Sebuah peruncit berdaftar CBP boleh menuntut CBP yang ditanggung ke atas stok perdagangan seperti biskut, coklat, minuman ringan, mi segera dan nuget sebagai cukai input memandangkan stok perdagangan adalah pembekalan bercukai.*

**Contoh 12:**

*ZaaZ Sdn. Bhd, sebuah syarikat berdaftar CBP, mengimport 10 buah buggy dari Jerman yang akan dibekalkan ke Seremban International Golf Club. CBP yang ditanggung ke atas pengimportan buggy layak dituntut memandangkan ZaaZ Sdn. Bhd. membuat pembekalan berkadar standard.*

**Contoh 13:**

*Sebuah kilang beras berdaftar CBP menanggung CBP ke atas pembelian bahan pembungkusan plastik, mesin penutup, mesin percetakan dan dakwat percetakan. Kilang beras tersebut layak untuk menuntut cukai input keatas CBP yang ditanggung kerana membuat pembekalan berkadar sifar.*

Pembekalan bercukai juga termasuk pembekalan yang diabaikan. Contoh pembekalan yang diabaikan adalah:

- (a) pembekalan yang dibuat antara ahli kumpulan CBP;
- (b) pembekalan barang-barang yang dibuat di sebuah gudang di bawah skim penggudangan sebelum barang dikeluarkan dari gudang;
- (c) pembekalan antara pengendali usaha dan pengusaha;

- (d) pembekalan oleh pengilang tol yang diluluskan kepada prinsipal di luar negara.

Apa-apa CBP yang ditanggung ke atas pembelian yang digunakan untuk membuat pembekalan yang diabaikan diatas boleh dituntut sebagai cukai input.

**Contoh 14:**

*Sebuah pengilang rokok berdaftar CBP membuat pembekalan rokok kepada syarikat pemasaran di bawah pendaftaran kumpulan. CBP yang ditanggung oleh pengilang rokok tersebut boleh dituntut sebagai cukai input.*

Pembekalan bercukai juga termasuk pembekalan yang dibuat kepada kelas orang yang diberi pelepasan. Apa-apa CBP yang ditanggung ke atas pembekalan tersebut dibenarkan untuk dituntut sebagai cukai input.

**Contoh 15:**

*Sekolah-sekolah kerajaan diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas pembelian buku-buku teks. Walaupun kedai buku tidak mengenakan CBP pada pembekalan tersebut, apa-apa CBP yang ditanggung oleh kedai buku boleh dituntut.*

- (ii) **Input yang digunakan untuk membuat pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia.**

Cukai input yang ditanggung boleh dituntut bagi pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia.

**Contoh 16:**

*MNC (M) Sdn. Bhd, sebuah Pusat Perolehan Antarabangsa berdaftar CBP, mengusahakan perolehan dan jualan bahan mentah, komponen dan produk siap kepada kumpulan syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat-syarikat yang tidak berkaitan di Malaysia dan di luar negara. MNC (M) Sdn. Bhd memenuhi*

*pesanan daripada pelanggan di China dengan mengarahkan pembekal MNC di Indonesia untuk menghantar barangan terus ke China. Memandangkan MNC (M) Sdn. Bhd yang berpusat di Malaysia dan menanggung CBP ke atas perbelanjaan operasi seperti sewa dan utiliti, MNC berhak untuk menuntut cukai input yang telah ditanggung.*

(iii) **Input yang digunakan untuk membuat pembekalan dalam keadaan tertentu yang ditetapkan**

Secara umumnya, pembekalan yang dibuat oleh institusi kewangan seperti penyediaan pinjaman atau pembiayaan adalah pembekalan dikecualikan dan cukai input tidak boleh dituntut. Walau bagaimanapun, bank-bank dan lain-lain institusi kewangan yang menyediakan pinjaman atau pembiayaan untuk perniagaan dibenarkan menggunakan kaedah Tuntutan Cukai Input Tetap (FITR) untuk menuntut CBP yang ditanggung ke atas input perniagaan mereka.

FITR adalah suatu kaedah dimana institusi kewangan seperti:

- (a) bank perdagangan;
- (b) bank pelaburan;
- (c) bank Islam;
- (d) institusi kewangan pembangunan dan mana-mana institusi lain yang diluluskan dan ditubuhkan di bawah mana-mana Akta Parlimen atau Ordinan Negeri berhak untuk mendapatkan kembali cukai input berdasarkan kadar tertentu dalam peratusan yang ditentukan oleh Menteri. Kadar tetap tersebut adalah tertakluk kepada semakan dan orang yang berlainan mungkin diberikan kadar tetap yang berbeza sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Jika sesebuah institusi kewangan dibenarkan untuk mendapatkan cukai input menggunakan kaedah FITR, amaun cukai input yang dibenarkan untuk dituntut adalah mengikut formula berikut:

$$A \times B$$

di mana: A adalah jumlah cukai input yang ditanggung dalam tempoh bercukai, dan

B adalah kadar tetap.

Jumlah cukai input yang ditanggung dalam tempoh bercukai termasuk:

- (a) cukai input berhubung dengan pembekalan dikecualikan iaitu pinjaman yang diberikan kepada perniagaan dan individu;
- (b) cukai input berhubung dengan pembekalan berkadar standard dan sifar;
- (c) cukai input berhubung dengan pembekalan lain yang dikecualikan contohnya aktiviti pelaburan.

Bagi bank-bank Islam dan institusi kewangan lain yang membuat pembekalan kewangan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah, cukai input yang ditanggung ke atas pembelian atau pemerolehan aset yang berkaitan secara langsung dengan pembekalan pembiayaan dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah boleh dituntut sepenuhnya.

**Contoh 17:**

*Pada Januari 2016, sebuah bank komersial berdaftar CBP menanggung CBP ke atas perkara-perkara berikut:*

- (a) cukai input berhubung dengan pembekalan dikecualikan (peruntukan pinjaman kepada perniagaan) - RM28,000;*
- (b) cukai input berhubung dengan pembekalan berkadar standard (perkhidmatan berasaskan yuran) - RM12,000;*
- (c) cukai input keatas aktiviti pelaburan - RM10,000*

*Bank tersebut dibenarkan untuk menggunakan kaedah FITR untuk menuntut CBP yang ditanggung keatas input perniagaan pada kadar yang diandaikan sebanyak 70% dalam tahun 2016.*

*Cukai Input dituntut = Cukai Input yang ditanggung dalam tempoh bercukai x kadar FITR*

$$= (RM28,000 + RM12,000 + RM10,000) \times 70\%$$

= RM35, 000

**Contoh 18:**

*Pada tempoh bercukai Januari 2016, Bank Islam ABC menanggung CBP keatas perkara-perkara berikut:*

- (a) cukai input yang ditanggung bagi pemerolehan komoditi bagi tujuan pembiayaan Syariah - RM15,000*
- (b) cukai input ke atas pembekalan berkadar standard (perkhidmatan berasaskan yuran) - RM25,000*
- (c) cukai input keatas aktiviti pelaburan - RM10,000*

*Bagi tahun 2016, sebuah bank Islam dibenarkan untuk menggunakan kadar tetap 70% bagi tujuan menuntut cukai input.*

*Cukai Input dituntut = Cukai Input yang ditanggung dalam tempoh bercukai x kadar FITR*

$$= (RM25,000 + RM10,000) \times 70\%$$

$$= RM24,500$$

*Bagi tempoh bercukai Januari 2016, bank Islam tersebut dibenarkan untuk menuntut cukai input berjumlah:*

$$RM24,500 + RM15,000 = RM39,500$$

**Cukai Input Tidak Boleh Dituntut**

9. Secara umumnya, orang kena cukai berhak menuntut CBP ke atas input yang diagihkan untuk membuat pembekalan bercukai. Orang-orang berikut tidak layak untuk menuntut cukai input.

- (a) seseorang yang tidak berdaftar membuat pembekalan bercukai

**Contoh 19:**

*Norene yang mengendalikan sebuah gerai burger di Taman Tasik Jaya membeli 10 paket sosej ayam dari FAZ Sdn. Bhd. dengan harga RM52 termasuk CBP sebanyak RM2.*

*Memandangkan Norene adalah orang yang tidak berdaftar, dia tidak boleh menuntut RM2 sebagai cukai input.*

- (b) seseorang yang membuat pembekalan dikecualikan;

**Contoh 20:**

*SBN Transit, sebuah syarikat pengangkutan awam membeli 10 buah bas baru untuk laluan baru. Sebagai pembekal dikecualikan, SBN Transit tidak boleh membuat tuntutan CBP keatas pembelian 10 buah bas baru tersebut.*

- (c) seseorang yang membuat pembekalan diluar skop

Pembekalan diluar skop adalah pembekalan yang di luar skop Akta CBP. Pembekalan diluar skop adalah tidak tertakluk kepada CBP.

**Contoh 21:**

*Pengeluaran lesen dan kutipan cukai taksiran oleh pihak berkuasa tempatan adalah pembekalan diluar skop. Majlis Perbandaran NLI tidak boleh menuntut CBP ke atas pembelian komputer yang digunakan bagi tujuan tersebut.*

## **Cukai Input Disekat**

10. Cukai input yang ditanggung oleh orang kena cukai keatas pembekalan berikut hendaklah dikecualikan daripada apa-apa kredit di bawah CBP: -

- (a) pembekalan atau pengimportan motokar penumpang;

“motokar penumpang” ertinya motokar jenis yang biasanya digunakan di atas jalan raya yang dibina atau disesuaikan untuk mengangkut tidak lebih daripada sembilan penumpang termasuk pemandu dan berat tanpa muatannya tidak melebihi tiga ribu kilogram tetapi tidak termasuk:

- (i) mana-mana kenderaan perkhidmatan awam yang dilesenkan di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan atau kenderaan

- pelancongan yang dilesenkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999;
- (ii) motokar yang dibekalkan atau diimport oleh orang kena cukai untuk disewakan atau dijual oleh orang kena cukai tersebut yang juga merupakan seorang peniaga motokar yang dilesenkan di bawah Akta Peniaga Barang Terpakai 1946;
- (iii) kenderaan yang diluluskan bagi tujuan pengajaran memandu oleh sekolah memandu atau institut memandu yang dibenarkan di bawah Peraturan Kenderaan Motor (Sekolah Memandu), 1992;
- (iv) motokar yang menjadi sebahagian daripada stok perdagangan pengilang motokar atau peniaga motokar; dan
- (v) mana-mana motokar yang digunakan semata-mata untuk tujuan perniagaan sepertimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- motokar tersebut didaftarkan atas nama syarikat;
  - motokar tersebut tidak disewakan;
  - tiada niat untuk menggunakan motokar tersebut bagi tujuan peribadi;
  - motokar tersebut disimpan di premis perniagaan, hanya digunakan untuk perjalanan perniagaan dan tidak harus dibawa pulang semalaman oleh mana-mana pekerja; dan
  - motokar tersebut mempunyai nama perniagaan

**Contoh 22:**

*Hawani Sdn. Bhd. membeli sebuah Toyota Camry berharga RM180,000 untuk kegunaan pengarah syarikat dan membayar CBP berjumlah RM10,800. Memandangkan cukai input bagi motokar penumpang disekat, Hawani Sdn. Bhd. tidak layak untuk menuntut RM10,800 sebagai cukai input di atas pembelian motokar penumpang tersebut.*



**Contoh 23:**

*Sebuah syarikat membeli kereta untuk kegunaan pekerjaanya memberikan bantuan teknikal sekiranya terdapat kes kerosakan sistem telekomunikasi dan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk tujuan perniagaan. CBP yang dibayar ke atas pembelian kereta tersebut boleh dituntut sebagai cukai input.*

**Contoh 24:**

*CR7 Sdn. Bhd adalah seorang peniaga motokar. Syarikat mengimport dan juga membeli motokar daripada pengeluar tempatan. Apa-apa CBP ditanggung dalam perolehan motokar sebagai stok perdagangan boleh dituntut.*

- (b) penyewaan motokar penumpang;

**Contoh 25:**

*Norman Sdn. Bhd menyewa sebuah kereta untuk kegunaan pengarah syarikat daripada membelinya. CBP yang dibayar ke atas penyewaan atau pajakan tidak boleh dituntut sebagai cukai input.*

- (c) yuran langganan kelab;

Yuran langganan kelab bermaksud apa-apa yuran penyertaan, yuran langganan, yuran keahlian, yuran pemindahan atau balasan lain yang dikenakan oleh mana-mana kelab, persatuan, pertubuhan atau organisasi yang ditubuhkan semata-mata bagi tujuan rekreasi atau sukan atau oleh pemindah milik ahli kelab, persatuan, masyarakat atau organisasi.

**Contoh 26:**

*Petro Engineering Sdn. Bhd, sebuah syarikat perunding berdaftar CBP, menanggung CBP ke atas yuran keahlian golf bagi pengurus besar dan eksekutif kanan syarikat. CBP yang dibayar ke atas yuran keahlian tidak dibenarkan untuk dituntut sebagai cukai input.*

- (d) premium insurans perubatan dan kemalangan peribadi atau caruman takaful;

Pemium insurans perubatan dan kemalangan peribadi atau caruman takaful ertinya apa-apa bayaran atau caruman terhadap mana-mana kontrak insurans atau sijil takaful berikut: -

- (i) kontrak/sijil untuk penyediaan insurans atau takaful bagi menanggung kerugian orang kena cukai terhadap kos rawatan perubatan kepada mana-mana orang;
- (ii) kontrak/sijil untuk penyediaan insurans atau takaful terhadap kos rawatan perubatan di mana orang yang diinsurankan adalah mana-mana orang yang digajikan oleh orang kena cukai;
- (iii) kontrak/sijil untuk penyediaan insurans atau takaful terhadap apa-apa kemalangan peribadi dimana orang yang diinsurankan adalah mana-mana orang yang digajikan oleh orang kena cukai.

**Contoh 27:**

*Excel Sdn. Bhd, sebuah syarikat berdaftar CBP membeli insurans perubatan untuk Ahmad, seorang pekerjanya dan membayar premium setiap tahun. Syarikat insurans mengenakan Excel Sdn. Bhd. CBP ke atas premium tersebut. CBP yang ditanggung ke atas premium tidak boleh dituntut.*

- (e) perbelanjaan perubatan;

Perbelanjaan perubatan bermakna apa-apa perbelanjaan perubatan berkaitan dengan penyediaan rawatan perubatan kepada mana-mana orang yang digajikan oleh orang kena cukai.

**Contoh 28:**

*Semasa bekerja, Ali, pengarah Salam Sdn. Bhd mengalami strok dan lumpuh. Beliau disyorkan katil “double fowler” oleh doktor. Salam Sdn. Bhd. membeli katil “double fowler” tersebut untuk kegunaannya dan dikenakan CBP ke atas pembelian katil. CBP yang dibayar ke atas katil tidak boleh dituntut sebagai cukai input.*

(f) Manfaat keluarga;

Manfaat keluarga bermaksud apa-apa manfaat (termasuk sebarang bentuk hospitaliti) yang disediakan oleh orang kena cukai bagi faedah mana-mana orang samada isteri, suami, anak atau saudara mana-mana orang yang bekerja dengan orang kena cukai.

**Contoh 29:**

*Fahmi, seorang pekerja Setia Sdn. Bhd. layak untuk 3 hari cuti bergaji dalam setahun. Beliau menghabiskan cuti di Langkawi bersama isteri dan anak-anaknya. CBP yang dibayar bagi pakej percutian tidak boleh dituntut sebagai cukai input.*

(g) perbelanjaan hiburan kepada seseorang selain daripada pekerja atau pelanggan yang sedia ada kecuali perbelanjaan hiburan yang dilakukan oleh seseorang yang berada dalam perniagaan menyediakan hiburan.

"perbelanjaan hiburan" termasuklah-

- (a) peruntukan apa-apa makanan, minuman, rekreasi atau sebarang bentuk hospitaliti, atau
- (b) peruntukan tempat kediaman atau perjalanan berkaitan dengan penyediaan makanan, minuman atau rekreasi

oleh seseorang atau pekerjanya kepada sesiapa sahaja berkaitan dengan perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh orang itu.

"pekerja", berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud:

- (a) pekerja, di mana wujud perhubungan di antara majikan dan pekerja;
- (b) jika perhubungan di antara majikan dan pekerja tidak wujud, pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian.

"rekreasi atau hospitaliti" termasuk:

- (a) kunjungan ke taman tema atau pusat rekreasi;

- (b) penginapan di resort percutian;
- (c) tiket untuk pertunjukkan atau teater;
- (d) kemasukan ke aktiviti/acara sukan.

Perbelanjaan hiburan kepada ahli keluarga dan pelanggan yang berpotensi (bukan pelanggan yang sedia ada) tidak dibenarkan.

**Contoh 30:**

*Salem, seorang eksekutif BBB Sdn. Bhd., syarikat perdagangan berdaftar CBP, meraikan pelanggan berpotensi beliau di sebuah restoran di hotel untuk makan tengahari dalam usaha untuk mempromosikan produk baru syarikat. BBB Sdn. Bhd tidak berhak untuk menuntut cukai input ke atas CBP yang dibayar untuk makan tengahari.*

**Contoh 31:**

*Seorang pengurus dari Carrington Hotel yang berdaftar CBP, meraikan pelanggan potensi untuk makan tengah hari di sebuah restoran. CBP yang ditanggung dalam meraikan pelanggan berpotensi boleh dituntut sebagai cukai input memandangkan Carrington Hotel adalah dalam perniagaan menyediakan perkhidmatan keraian.*

**Contoh 32:**

*Turk Sdn. Bhd. menganjurkan majlis makan malam tahunan di sebuah hotel di Port Dickson untuk pekerja syarikat dan beberapa pelanggan yang berpotensi. Anugerah dalam bentuk jam tangan akan diberikan kepada pekerja cemerlang berdasarkan prestasi mereka. Pasangan pekerja cemerlang juga dijemput untuk majlis makan malam tersebut. Turk Sdn. Bhd dibenarkan untuk menuntut CBP ke atas pakej keseluruhan sebagai cukai input memandangkan tujuan penganjuran majlis makan malam tahunan tersebut adalah untuk pekerja. Jika jam tangan yang diberikan sebagai hadiah kepada pekerja adalah melebihi RM500, Turk Sdn. Bhd. perlu mengakaunkan CBP.*

## **Pembekalan Kewangan Sampingan Dikecualikan**

11. Pembekalan kewangan sampingan dikecualikan adalah pembekalan perkhidmatan kewangan yang dibuat oleh orang berdaftar yang tidak berada dalam perniagaan menyediakan perkhidmatan kewangan. Walau bagaimanapun, orang tersebut boleh menganggap cukai input diagihkan kepada pembekalan kewangan dikecualikan sebagai cukai input diagihkan kepada pembekalan bercukai. Ini bermakna orang berdaftar tersebut berhak untuk menuntut apa-apa cukai input yang diagihkan kepada pembekalan kewangan dikecualikan berikut:

- (a) deposit wang;

Deposit wang adalah perbuatan memasukkan wang ke dalam mana-mana institusi kewangan.

### **Contoh 33:**

*Evra Sdn. Bhd., sebuah restoran berdaftar CBP membeli peti keselamatan untuk kegunaan kerani akaun menandatangani pendapatan harian syarikat di bank. CBP ditanggung bagi pembelian peti keselamatan boleh dituntut sebagai cukai input.*

- (b) pertukaran mata wang, sama ada dikuatkuasakan oleh pertukaran nota bank, mata wang atau syiling dengan mengkreditkan atau mendebit akaun atau sebaliknya.

Pertukaran mata wang merupakan suatu pertukaran Ringgit Malaysia dengan mata wang asing atau lain-lain mata wang asing dengan mata wang asing yang lain.

### **Contoh 34:**

*Wayne Sdn. Bhd. melantik sebuah syarikat keselamatan untuk mengiringi kerani akaun syarikat untuk menukar Ringgit Malaysia kepada mata wang asing di Bank ABC. Syarikat keselamatan tersebut mengenakan Wayne Sdn. Bhd. CBP bagi perkhidmatan yang disediakan. CBP yang ditanggung boleh dituntut sebagai cukai input.*

- (c) pegangan bon, debentur, nota atau lain-lain instrumen serupa yang mewakili atau membuktikan keberhutangan, sama ada bercagar atau sebaliknya;

Pemegang bon yang memegang bon sehingga tempoh matang akan menerima kupon dibayar oleh penerbit bon mengikut terma kontrak.

**Contoh 35:**

*Rio Sdn Bhd, sebuah syarikat perladangan, membeli bon ABC Co. dan memegang bon tersebut sehingga matang. Apa-apa cukai input yang ditanggung dalam pembelian bon boleh dituntut.*

- (d) pemindahan pemilikan sekuriti atau derivatif yang berkaitan dengan sekuriti;

Pemindahan pemilikan sekuriti bermaksud jual beli saham di pasaran sekunder di mana balasannya ialah margin keuntungan atau peningkatan modal.

**Contoh 36:**

*Fabio Sdn. Bhd, sebuah syarikat pembinaan, menjual 20 lot saham Setia Jaya Bhd. melalui remisier dan dikenakan CBP keatas komisen. Fabio Sdn. Bhd. boleh menuntut CBP yang dibayar ke atas komisen sebagai cukai input.*

- (e) peruntukan oleh orang kena cukai apa-apa pinjaman, pendahuluan, kredit atau kemudahan lain yang serupa kepada pekerja atau antara orang yang mempunyai kaitan (mana-mana pegawai atau pengarah perniagaan satu sama lain, rakan kongsi atau seorang yang secara langsung atau tidak langsung memiliki, mengawal atau memegang lima peratus atau lebih saham undian tertunggak atau saham kedua-duanya);

**Contoh 37:**

*Sebuah syarikat pengilangan menyediakan perkhidmatan kewangan sampingan dengan memberikan pinjaman antara syarikat kepada anak-anak syarikatnya. Syarikat menanggung*

*CBP di atas perjanjian undang-undang dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pinjaman. Walaupun perkhidmatan kewangan dianggap sebagai pembekalan dikecualikan, syarikat tersebut dibenarkan untuk menuntut GST yang ditanggung ke atas perkhidmatan undang-undang dan perbelanjaan lain sebagai cukai input.*

- (f) pegangan atau penebusan apa-apa unit atau instrumen dibawah dana amanah;

Pegangan atau penebusan apa-apa unit atau instrumen di bawah dana amanah bermaksud pemegang unit memegang unit-unit dan mendapat dividen dan apabila ditebus mendapat keuntungan.

**Contoh 38:**

*Kim Sdn. Bhd., sebuah syarikat perunding kecantikan berdaftar CBP, membeli 10,000 unit amanah Public Mutual pada RM1.20 seunit. Selepas tiga tahun dia menjual unit-unit tersebut pada RM1.35 dan mendapat keuntungan RM0.15. Apa-apa cukai input yang ditanggung dalam pembelian dan penebusan unit boleh dituntut sebagai cukai input.*

- (g) melindungi nilai apa-apa risiko kadar faedah, risiko matawang, risiko harga utility, risiko harga pengangkutan atau risiko harga komoditi.

**Contoh 39:**

*Mask Bhd, sebuah syarikat pengangkutan udara, membeli kontrak niaga hadapan untuk melindungi nilai terhadap turun naik harga minyak yang merupakan perbelanjaan perniagaan utama syarikat. Cukai input yang ditanggung untuk membeli kontrak niaga hadapan boleh dituntut.*

12. Tuntutan cukai input tidak terpakai kepada pembekal (institusi kewangan) yang menjalankan perniagaan membekalkan perkhidmatan kewangan dikecualikan. Kumpulan pembekal ini termasuk:-

- (a) sebuah bank , bank pelaburan atau mana-mana institusi kewangan lain yang dikehendaki untuk dilesenkan di bawah Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1989, Akta Perbankan Luar Pesisir (Akta 443), 1990 dan Akta Perbankan Islam, 1983 (Akta 276);
- (b) mana-mana institusi pembangunan kewangan seperti ditetapkan di bawah Akta Institusi Pembangunan Kewangan, 2002 atau apa-apa Akta Parlimen;  
*Contoh institusi pembangunan kewangan adalah Lembaga Tabung Haji ditetapkan dibawah Akta Tabung Haji, 1995, Bank Simpanan Nasional ditetapkan dibawah Akta Bank Simpanan Nasional, 1994 and Bank Kerjasama Rakyat Malaysia ditetapkan di bawah Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, 1978.*
- (c) seseorang peminjam wang yang dikehendaki dilesenkan di bawah Akta Peminjam Wang 1951;
- (d) seseorang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Kewangan, 2011 (Akta 731);
- (e) seseorang yang dikehendaki dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984 atau Akta Insurans Luar Pesisir 1990 tidak termasuk broker insurans, ejen insurans, penyelaras insurans atau penyelaras insurans kewangan;
- (f) pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang berurusan dalam sekuriti atau perdagangan kontrak niaga hadapan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007;
- (g) seorang pemegang pajak gadai yang dikehendaki untuk dilesenkan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 atau seseorang pemegang pajak gadai yang mematuhi prinsip Syariah;



- (h) seseorang yang membekalkan barang dan menyediakan pembiayaan di bawah perjanjian yang menetapkan bahawa harta tersebut akan bertukar tangan pada masa tertentu di masa hadapan;
- (i) syarikat kad kredit, kad caj atau kad debit;
- (j) mana-mana unit amanah atau pelaburan kecuali Amanah Pelaburan Hartanah.

**Contoh 40:**

*Ashley Mutual Fund deposit pendapatan harian di bank dan menanggung CBP ke atas caj keselamatan oleh Halim Security. CBP ke atas caj keselamatan tidak boleh dituntut kerana Ashley Mutual Fund jatuh di bawah kategori institusi kewangan yang tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input atas pembekalan sampingan dikecualikan. Walau bagaimanapun, jika sebuah syarikat perladangan deposit wang di bank, CBP yang ditanggung atas caj keselamatan boleh dituntut sebagai cukai input memandangkan syarikat perladangan tidak dalam perniagaan membekalkan perkhidmatan kewangan.*

**Rukun De minimis**

13. Adakalanya, orang kena cukai mungkin membuat sedikit pembekalan dikecualikan atau pembekalan sampingan dan ia membebankan mereka untuk mengagihkan cukai input. Oleh kerana itu, rukun *de minimis* diperkenalkan untuk mengatasi masalah sedemikian dengan membenarkan mereka mengira cukai input dikecualikan sebagai cukai input bercukai sekiranya jumlah nilai pembekalan dikecualikan tidak melebihi:

- (a) purata RM5,000 sebulan; dan
- (b) amaun bersamaan 5% daripada jumlah nilai semua pembekalan (sama ada bercukai atau dikecualikan) yang dibekalkan pada tempoh itu.

**Contoh 41:**

*Sebuah pengilang pakaian berdaftar CBP membuat pembekalan bercukai bernilai RM150,000 bagi sesuatu tempoh*

bercukai. Syarikat juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan bas untuk pekerja dan mengenakan bayaran yang minimum. Nilai pembekalan dikecualikan adalah RM4,000.

- (i) Perkadaran pembekalan dikecualikan keatas jumlah pembekalan dikira seperti berikut:

$$\frac{RM4,000}{RM150,000 + RM4,000} \times 100\% = 2.59\%$$

- (ii) Pengeluar pakaian berhak untuk menuntut cukai input memandangkan nilai pembekalan dikecualikan adalah kurang daripada RM5,000 sebulan dan tidak melebihi 5% daripada jumlah nilai kesemua pembekalan.

**Contoh 42:**

RVP Sdn. Bhd., seorang pengilang berlesen CBP membuat pembekalan berikut dalam sebulan:-

Pembekalan bercukai – RM70,000

Pembekalan dikecualikan - RM4,800

- (i) Peratusan pembekalan dikecualikan dalam bulan tersebut adalah:

$$\frac{RM4,800}{RM70,000 + RM4,800} \times 100\% = 6.42\%$$

- (ii) Syarikat tersebut telah hanya memenuhi syarat pertama tetapi tidak memenuhi syarat kedua kerana jumlah pembekalan dikecualikan bagi tempoh tersebut telah melebihi 5%. Oleh itu, syarikat itu tidak boleh menganggap cukai input yang ditanggung ke atas pembekalan dikecualikan sebanyak RM4,800 sebagai input bercukai.

Jika beliau tidak memenuhi rukun *de minimis*, beliau dikehendaki untuk menggunakan pengecualian separa untuk mengagihkan baki cukai input ditanggung.

## Pengecualian Separa

14. Seseorang yang membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan dikenali sebagai pembekal dikecualikan separa atau "pembekal bercampur". Istilah "pengecualian separa" digunakan untuk menggambarkan keadaan pembekal campuran yang perlu mengagihkan jumlah tuntutan baki input yang berkaitan dengan pembekalan bercukai dan dikecualikan menggunakan kaedah pengecualian separa.

15. Baki cukai input adalah ditanggung apabila cukai input tidak langsung dikaitkan sama ada dengan pembekalan bercukai atau dikecualikan. Contoh baki cukai input termasuk cukai input keatas sewa, utiliti, alat tulis, komputer dan perkhidmatan penyelenggaraan. Jumlah baki cukai input yang boleh dituntut hanyalah bahagian yang diagihkan kepada pembekalan bercukai. Pembahagian ini ditentukan mengikut nisbah pembekalan bercukai kepada jumlah pembekalan yang dibuat oleh orang kena cukai. Jumlah pembekalan tidak termasuk sebarang pelupusan aset, pembekalan dibuat untuk kegunaan sendiri, perkhidmatan diimport dan perkhidmatan kewangan sampingan dikecualikan.

16. Walau bagaimanapun, pembekal bercampur boleh menuntut amaun penuh baki cukai input ditanggung jika amaun pembekalan dikecualikan memenuhi rukun *de minimis*. Jika tidak, beliau hendaklah mengagihkan baki cukai input ditanggung sewajarnya.

### **Contoh 43:**

*Sebuah syarikat insuran Suria Sdn. Bhd. menjual insurans nyawa dan insurans am. Dalam menjalankan perniagaan syarikat menanggung CBP ke atas elektrik berjumlah RM1,000. Premium insurans am yang dipungut adalah RM65,000 manakala insurasn nyawa adalah RM35,000. Cukai input yang boleh dituntut adalah:*

$$\frac{RM65,000}{RM65,000 + RM35,000} \times 100\% = 65\%$$
$$RM1,000 \times 65\% = RM650$$

## **Menggunakan rukun *de minimis* dalam tahun cukai atau tempoh yang lebih lama**

17. Apabila orang kena cukai membuat pelarasan tahunan, beliau perlu mengkaji permohonan rukun *de minimis* sepanjang tahun cukai atau tempoh yang lebih lama. Memandangkan kelayakan rukun *de minimis* adalah berdasarkan purata bulanan, orang kena cukai perlu mengambil kira semua pembekalan dikecualikan yang dibuat dalam tahun cukai atau tempoh yang lebih lama untuk mendapatkan purata bulanan. Jika beliau di bawah had *de minimis*, beliau boleh menganggap semua input dikecualikan bagi tahun cukai atau tempoh yang lebih lama sebagai input bercukai walaupun dalam tempoh bercukai tertentu beliau mungkin tidak layak. Sebaliknya, jika beliau gagal melepasi had *de minimis* bagi tahun cukai atau tempoh yang lebih lama, beliau perlu mengakaun dan membayar semua cukai input dikecualikan bagi tahun cukai atau tempoh yang lebih lama, termasuk yang layak sebagai input kena cukai dalam tempoh bercukai tertentu.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Pengecualian Separa*.

## **Pelarasan Harta Modal**

18. Bagi tujuan CBP, harta modal merupakan apa-apa barang yang di dipermodalkan bagi tujuan perakaunan dan selaras dengan amalan perakaunan yang diterima umum. Aset tidak ketara seperti *goodwill* tidak merupakan aset modal.

19. Secara umumnya, orang kena cukai layak untuk menuntut kredit cukai input ke atas semua pembekalan barang bercukai termasuk harta modal yang diperolehi dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya. Cukai input boleh dituntut sepenuhnya jika orang kena cukai membuat keseluruhan pembekalan cukai. Walau bagaimanapun, jika orang kena cukai adalah pembekal bercampur, beliau hanya boleh menuntut cukai input yang boleh dikaitkan dengan pembekalan bercukainya. Tuntutan awal cukai input adalah hanya sementara.

20. Pelarasan diperlukan jika terdapat perubahan pada pembahagian penggunaan bercukai bagi baki hayat aset. Pelarasan hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang tertentu di bawah Pelarasan Harta Modal (CGA). Harta modal

dirujuk sebagai barang modal dan ia merangkumi item modal dengan nilai tidak kurang daripada RM100,000 (tidak termasuk CBP) seunit.

21. Tempoh pelarasan merujuk kepada tempoh masa yang tetap yang terdiri daripada tempoh di mana pembahagian penggunaan bercukai item modal dinilai semula. Bagi tanah dan bangunan, tempoh pelarasan terdiri daripada sepuluh tempoh dan bagi harta modal lain tempoh pelarasan hanya terdiri daripada lima tempoh.

22. Pelarasan pada item modal hanya akan dibuat dalam jangka masa berikutnya, bermula dengan tempoh kedua, apabila terdapat perubahan pembahagian dalam penggunaan bercukai yang berkaitan dengan tempoh pertama. Formula untuk pengiraan jumlah pelarasan pada item modal dalam jangka masa seterusnya adalah seperti berikut:

$$\text{Amount of adjustment} = \frac{\text{Total input tax incurred} \times \text{Adjustment \%}}{\text{Number of intervals}}$$

**Contoh 44:**

*ABC Sdn. Bhd., seorang pembekal bercampur, didaftarkan di bawah Akta CBP 20XX pada 1 Jan 2016 dan tahun cukai pertama beliau berakhir pada 31 Disember 2016. Syarikat memperoleh komputer baru berharga RM1,060,000 termasuk CBP 6% (RM1,000,000 + RM60,000 CBP) pada 10 Jan 2016. Pembahagian penggunaan bercukai tahunan (atau kadar tuntutan baki cukai input tahunan) komputer adalah seperti berikut:-*

<i>Tempoh pertama</i>	<i>:</i>	<i>60 %</i>
<i>Tempoh kedua</i>	<i>:</i>	<i>70 %</i>
<i>Tempoh ketiga</i>	<i>:</i>	<i>55 %</i>
<i>Tempoh keempat</i>	<i>:</i>	<i>45 %</i>
<i>Tempoh kelima</i>	<i>:</i>	<i>40 %</i>

Dalam menentukan pembahagian untuk tempoh pertama, kaedah pengecualian separa digunakan.

Bagi 4 tempoh berikutnya berkaitan dengan komputer adalah seperti berikut: -

Tempoh kedua : 1 Jan 2017 – 31 Dis 2017

Tempoh ketiga : 1 Jan 2018 – 31 Dis 2018

Tempoh keempat : 1 Jan 2019 – 31 Dis 2019

Tempoh kelima : 1 Jan 2020 – 31 Dis 2020

Amaun cukai input yang boleh dituntut untuk tempoh yang pertama adalah RM36,000 dan jumlah pelarasan yang dibuat di bawah skim ini dalam jangka masa yang berikutnya adalah seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Tempoh (tahun)	% penggunaan bercukai	Pelarasan %	Pengiraan	Pelarasan CGA
1 (2016)	60%	-	$ITC = RM60,000 \times 60\%$ $= RM36,000$	-
2 (2017)	70%	70 % - 60 %	$\frac{60,000 \times 10 \%}{5}$	1,200
3 (2018)	55%	55 % - 60 %	$\frac{60,000 \times (-5 \%)}{5}$	(600)
4 (2019)	45%	45 % - 60 %	$\frac{60,000 \times (-15 \%)}{5}$	(1,800)
5 (2020)	40%	40 % - 60 %	$\frac{60,000 \times (-20 \%)}{5}$	(2,400)

**Nota:**

Bagi tempoh kedua syarikat boleh menuntut tambahan cukai input bernilai RM1,200.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Penyelarasan Harta Modal*.

**Cukai input disifatkan berkaitan dengan pembayaran wang tunai yang dibuat di dalam skim promosi**

23. Untuk mempromosikan produk di pasaran, pengeluar atau peruncit biasanya mengeluarkan kupon atau baucar diskaun kepada orang awam menawarkan pengurangan dalam harga pembelian pada masa hadapan. Selain kupon diskaun pengeluar juga menyediakan skim promosi lain seperti rebat tunai atau bayaran

yang dibuat oleh pengilang secara langsung atau melalui agensi tuntutan, kepada pelanggan pemborong atau peruncit. Dalam skim promosi, orang berdaftar dianggap telah menanggung cukai input sama dengan pecahan cukai bagi bayaran tunai yang dibuat apabila dia membuat bayaran wang tunai di bawah keadaan berikut:

- (a) pembayaran balik untuk pengurangan dalam pembekalan bercukai barang yang dibuat kepada mana-mana orang selepas pelanggan menebus dokumen kupon, baucar atau dokumen serupa yang melayakkan beliau untuk diskaun, atau

**Contoh 45:**

*BeautyCare (M) Sdn. Bhd., orang berdaftar dibawah CBP mengilang produk kecantikan dan mengeluarkan kupon diskaun berjumlah RM20 bagi pembelian pelembab. Seorang pelanggan membeli pelembab tersebut dengan harga RM120 (termasuk CBP) daripada peruncit, Welson Sdn. Bhd dan menebus kupon tersebut. Beliau hanya membayar RM100 bagi pelembab tersebut. BeautyCare (M) Sdn. Bhd. akan memulangkan bayaran tunai sebanyak RM20 kepada Welson Sdn. Bhd. apabila Welson Sdn, Bhd menyerahkan kupon tersebut kepada BeautyCare (M) Sdn. Bhd.*

*Cukai input disifatkan yang ditanggung oleh BeautyCare (M) Sdn. Bhd bagi pembayaran tunai yang dibuat adalah:*

$$\frac{\text{Kadar CBP}}{100 + \text{Kadar CBP}} \times \text{pembayaran tunai}$$
$$\frac{6\%}{100\% + 6\%} \times \text{RM20} = \text{RM1.13}$$

- (b) seorang pelanggan menuntut rebat selepas beliau memperoleh pembekalan bercukai barang-barang daripada seorang orang berdaftar.

**Example 46:**

*Electron Sdn. Bhd., sebuah pengilang peralatan elektronik berdaftar CBP mengeluarkan baucar diskaun bernilai RM50 bagi pembelian mesin basuh. Seorang pelanggan membeli mesin basuh tersebut*

daripada peruncit dengan harga RM1,000 dan menerima baucar diskaun berjumlah RM50. Beliau kemudiannya menebus baucar diskaun tersebut daripada Electron Sdn. Bhd.

Cukai input disifatkan yang ditanggung oleh Electron Sdn. Bhd bagi pembayaran tunai adalah:

$$\frac{\text{Kadar CBP}}{100 + \text{Kadar CBP}} \times \text{pembayaran tunai}$$
$$\frac{6\%}{100\% + 6\%} \times \text{RM50} = \text{RM2.83}$$

24. Dalam menuntut cukai input disifatkan, orang berdaftar perlu menyimpan:
- (a) rekod mengenai tuntutan yang terdiri daripada maklumat-maklumat menunjukkan :
    - (i) tarikh dan jumlah bayaran tunai dibuat;
    - (ii) nama dan alamat orang yang menerima bayaran tunai tersebut;
    - (iii) nombor pengenalan peribadi jika orang yang menerima bayaran tunai bukan orang berdaftar atau nombor pengenalan jika dia seorang orang berdaftar, dan
  - (b) salinan bukti pembelian.
25. Jika seseorang yang telah menerima bayaran tunai itu ialah orang berdaftar, dia telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam tempoh yang kena dibayar cukai di mana bayaran diterima:
- (a) Dalam hal di mana dia tidak menuntut cukai input, untuk mengurangkan tuntutan cukai inputnya sama dengan pecahan cukai bagi pembayaran wang tunai, atau
  - (b) Dalam kes di mana beliau telah menuntut cukai input, beliau hendaklah mengakaun dan membayar sejumlah yang sama dengan pecahan cukai pembayaran tersebut.



## **Cukai input disifatkan berkaitan dengan bayaran tunai insurans atau takaful**

26. Pembayaran wang tunai oleh syarikat insurans berkenaan dengan insurans atau penyelesaian tuntutan takaful tidak merupakan pembekalan oleh syarikat insurans. Oleh itu, bayaran ganti rugi atau penyelesaian adalah tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, syarikat insurans berhak kepada kredit cukai input disifatkan ditanggung yang dikenali sebagai "kredit cukai input disifatkan" di mana bayaran tunai itu dibuat menurut suatu polisi insurans atau kontrak takaful yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard dengan syarat:

- (a) syarikat insurans tidak berdaftar untuk CBP pada tarikh berkuat kuasa polisi insurans atau kontrak takaful;

### **Contoh 47:**

*Lynn Sdn. Bhd, seorang yang tidak berdaftar, membeli polisi insurans motor dengan Zee Insurance untuk melindungi cermin kereta syarikat. Tarikh berkuat kuasa polisi insurans adalah 1 Ogos 2015. Lyna, seorang eksekutif dari Lynn Sdn. Bhd mengalami kemalangan dan telah dibayar wang tunai berjumlah RM2,500 oleh syarikat insurans untuk menggantikan cermin depan pada 25 April 2016. Syarikat insurans boleh menuntut cukai input disifatkan bagi bayaran tunai yang dibuat kepada Lynn Sdn. Bhd (anggap tarikh pelaksanaan CBP pada 1 April 2015).*

- (b) bayaran tunai yang dibuat kepada orang yang diinsurankan menurut suatu polisi insurans atau kontrak takaful yang merupakan pemilik tunggal berdaftar CBP dan beliau menggunakan polisi insurans atau kontrak takaful selain daripada tujuan perniagaan.

### **Contoh 48:**

*En. Razib, sebuah pengendali restoran berdaftar CBP membeli polisi insurans kebakaran untuk rumahnya di Jalan Senawang, Seremban. Memandangkan perlindungan insurans bukan untuk maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh beliau, syarikat insurans boleh membuat tuntutan cukai input disifatkan*

*yang ditanggung ke atas mana-mana bayaran tunai yang dibuat kepadanya berkenaan dengan kerugian menurut polisi insurans kebakaran tersebut.*

- (c) bayaran tunai yang dibuat menurut suatu polisi insurans atau kontrak takaful di mana cukai input adalah dikecualikan daripada apa-apa kredit seperti polisi insurans perubatan atau kemalangan peribadi dan orang yang diinsurankan adalah orang berdaftar.

**Contoh 49:**

*Pretty Sdn. Bhd membeli insurans perubatan untuk Ahmad, seorang pekerjanya, dan membayar premium setiap tahun. Maxim Insurance mengenakan CBP ke atas premium kepada Pretty Sdn. Bhd tetapi Pretty Sdn. Bhd tidak boleh menuntut cukai input kerana ia disekat. Malangnya, Ahmad telah dimasukkan ke hospital kerana demam panas dan Maxim Insurance membuat bayaran tunai kepada Pretty Sdn. Bhd. bagi caj hospital tersebut. Maxim Insurance berhak menuntut cukai input disifatkan atas bayaran tunai yang dibuat kepada Pretty Sdn. Bhd.*

27. Cukai input disifatkan ke atas bayaran tunai di kira seperti berikut:

$$\frac{\text{Kadar CBP}}{100 + \text{Kadar CBP}} \times \text{bayaran tunai}$$

28. Dalam menuntut cukai input disifatkan, syarikat insurans hendaklah menyimpan rekod tuntutan yang mengandungi maklumat yang menunjukkan bahawa:

- (a) tempoh perlindungan insurans di bawah kontrak insurans bermula pada atau selepas tarikh yang ditetapkan;
- (b) premium yang kena dibayar di bawah kontrak insurans adalah tertakluk kepada kadar cukai yang berkuat kuasa:

- (c) pembayaran tunai telah dibuat oleh beliau apabila berlakunya peristiwa yang diinsuranskan;
- (d) pembayaran adalah wajib di bawah kontrak insurans dan
- (e) orang yang menandatangani kontrak insurans dengan beliau adalah seorang yang:
  - (i) bukan orang berdaftar;
  - (ii) merupakan pemilik tunggal, orang berdaftar dan membeli perlindungan insurans bagi apa-apa tujuan lain selain daripada tujuan dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya; atau
  - (iii) merupakan seorang orang berdaftar, membeli polisi insurans di mana cukai input adalah dikecualikan daripada apa-apa kredit seperti insurans perubatan atau insurans kemalangan peribadi.

### **Tuntutan cukai input atas projek komuniti dibekalkan oleh perniagaan berdaftar**

29. Sesuatu pembekalan barang atau perkhidmatan tanpa balasan bagi projek komuniti boleh dianggap sebagai suatu pembekalan yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan itu. Mana-mana aset diperolehi yang bercukai boleh dianggap sebagai diagihkan kepada pembekalan bercukai perniagaan dan apa-apa cukai input yang ditanggung bagi apa-apa pembekalan yang dibuat untuk projek komuniti oleh perniagaan boleh dituntut.

#### **Contoh 50:**

*Meranti Sdn.Bhd., sebuah syarikat berdaftar CBP di mana perniagaan utamanya adalah membuat pembekalan bercukai kayu balak di Sarawak. Syarikat itu membekalkan kemudahan kesihatan kepada masyarakat sekitar kawasan pembalakan, memberi tumpuan kepada kesihatan masyarakat yang lebih baik. Meranti Sdn. Bhd. membekalkan perkhidmatan perubatan tanpa balasan dan memperoleh aset untuk kemudahan perubatan dan menyediakan kemudahan itu kepada masyarakat. Apa-apa cukai input yang ditanggung oleh Meranti Sdn. Bhd. dalam membuat pembekalan tersebut boleh dituntut.*

### Tuntutan cukai input atas perkiraan tiga pihak


30. Apabila orang kena cukai membuat pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan kepada penerima yang merupakan seorang orang berdaftar, penerima tersebut layak untuk menuntut cukai input bagi perolehan yang dibuat dalam urusan perniagaannya. Walau bagaimanapun, dalam perkiraan tiga pihak, penerima bukan orang yang membuat pembayaran bagi pembekalan tersebut.

31. Bagi pembekalan yang dibuat kepada pihak ketiga, perlu ada perjanjian yang mengikat atau hubungan antara pembekal dan orang yang membuat pembayaran bagi pembekalan. Mana-mana perjanjian yang tidak mengikat pihak-pihak tersebut tidak menjadikannya pembekalan melainkan terdapat suatu pembekalan barang atau perkhidmatan antara pihak-pihak berkenaan. Orang yang mempunyai perjanjian dengan pembekal untuk sesuatu pembekalan adalah penerima pembekalan tersebut (walaupun pembekalan dibuat kepada pihak ketiga). Dokumen (syarat-syarat kontrak) merupakan titik logik permulaan dalam menentukan pembekalan yang telah dibuat.

32. Dalam hal ini, orang yang membuat pembayaran adalah berhak untuk menuntut cukai input atas perolehan barang kerana ia merupakan suatu pembekalan bercukai yang dibuat oleh pembekal kepada orang yang membuat pembayaran bagi pembekalan itu.

#### **Contoh 51:**

*Angel Sdn. Bhd mengikat kontrak dengan Flora Hypermarket untuk menyediakan hamper bernilai RM10, 000 kepada pelanggan perniagaannya semasa Tahun Baru Cina.*




*Apabila Angel mempunyai kontrak yang mengikat dengan Flora untuk membekalkan hamper kepada pelanggan, terdapat pembekalan bercukai*

yang dibuat oleh pasar raya besar kepada Angel. Angel Sdn. Bhd berhak untuk menuntut cukai input bernilai RM600.

**Contoh 52:**

Alex Insurance, sebuah syarikat insurans yang berdaftar CBP, membuat perjanjian dengan Rafael & Co, sebuah firma perunding berdaftar CBP, di mana Alex Insurance bersetuju menyediakan insurans perubatan untuk pekerja-pekerja firma perunding dan Rafael & Co bersetuju untuk membayar premium. Kewajipan di bawah perjanjian antara Alex Insurans dan Rafael & Co adalah terikat.

Penerima pembekalan insurans oleh Alex Insurance adalah perunding Rafael & Co. Pembekalan oleh Alex Insurance dibuat kepada Rafael & Co dan dibekalkan kepada pekerjaanya.



### CARA-CARA MEMBUAT TUNTUTAN CUKAI INPUT

33. CBP tidak boleh dituntut ke atas barang dan perkhidmatan yang tidak digunakan untuk tujuan perniagaan (contohnya untuk kegunaan peribadi). Jika barang-barang digunakan sebahagiannya untuk perniagaan dan sebahagiannya lagi bagi tujuan bukan perniagaan, CBP yang dikenakan biasanya dibahagikan. Dalam usaha untuk menuntut cukai input, orang berdaftar hendaklah menyimpan dokumen-dokumen yang betul.

#### Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk menuntut cukai input

34. Cukai input yang ditanggung boleh dituntut jika penerima adalah orang berdaftar. Penerima hendaklah memegang invois cukai berkenaan dengan pembekalan barang atau perkhidmatan. Terdapat dua jenis invois cukai iaitu invois

cukai dipermudahkan dan invois cukai penuh. Invois cukai dipermudahkan hanya sah untuk menuntut cukai input jika balasan bagi pembekalan berkadar standard tidak melebihi RM500 (CBP RM30). Jika balasan adalah lebih daripada RM500, penerima hendaklah memegang invois cukai penuh.

35. Invois cukai penuh hendaklah dikeluarkan di bawah nama orang berdaftar yang layak untuk kredit cukai input. Invois cukai yang dikeluarkan di bawah nama mana-mana orang selain daripada orang yang berdaftar tidak layak untuk kredit cukai input. Jumlah CBP hendaklah ditunjukkan pada invois cukai, sebaliknya orang yang berdaftar tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input menggunakan invois cukai jika jumlah CBP tidak ditunjukkan pada invois cukai.

***Contoh 53:***

*Mr. Hwang, seorang pengurus dengan Kaya Sdn. Bhd, meraikan pelanggannya makan malam di sebuah restoran untuk mempromosikan produk baru syarikat. Dalam menuntut cukai input bil/invois hendaklah di atas nama Kaya Sdn. Bhd dan bukannya atas nama Mr. Hwang.*

36. Bagi pengimportan barang-barang, pengimport hendaklah mengemukakan dokumen pengimportan Kastam yang sah iaitu Kastam No.1. Bagi pelepasan barang-barang dari gudang berlesen, pengimport hendaklah mengemukakan borang Kastam No.1 atau No.9.

37. Bagi pengimportan perkhidmatan, penerima diperlukan untuk memegang dokumen seperti invois pembekal asing untuk menunjukkan bahawa beliau berhak untuk menuntut cukai input.

38. Bagi tuntutan cukai input disifatkan yang berkaitan dengan bayaran tunai, syarikat insurans dikehendaki untuk memegang dokumen seperti baucar pelepasan, arahan pembayaran atau sekadar surat akuan terima disertai dengan pembayaran cek.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod*.

39. Bagi pembekalan bercukai barang yang dibuat oleh orang yang diluluskan di bawah Skim Kadar Sama Rata, penerima diperlukan untuk memegang invois yang dikeluarkan oleh orang yang diluluskan. Invois hendaklah mengandungi butir-butir seperti berikut: -

- (a) nombor siri invois;
- (b) nama, alamat dan nombor pengenalan orang yang diluluskan;
- (c) tarikh invois dikeluarkan;
- (d) nama, alamat dan nombor pengenalan CBP orang berdaftar yang dibekalkan barang-barang;
- (e) perihal barang-barang yang dibekalkan, dan
- (f) jumlah kena dibayar tidak termasuk kadar tambahan sama rata, kadar tambahan sama rata dan jumlah tambahan kadar sama rata yang ditunjukkan secara berasingan.

### **Penyata**

40. Tuntutan cukai input boleh dibuat dalam penyata GST-03 bagi tempoh bercukai di mana berlakunya pembekalan atau pengimportan.

## **PERAKAUNAN BAGI CUKAI**

### **Asas Perakaunan**

41. Di bawah CBP, terdapat dua jenis asas perakaunan iaitu asas invois dan asas pembayaran. Secara umumnya, orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengakaun CBP berdasarkan asas invois. Walau bagaimanapun, sekiranya beliau ingin menggunakan asas pembayaran, beliau boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan.

- (a) Asas Invois

Secara umumnya, orang berdaftar dikehendaki untuk mengakaun CBP menggunakan asas invois. Di bawah asas invois, orang berdaftar adalah layak untuk menuntut cukai input apabila dia menerima invois

cukai walaupun bayaran masih belum dibuat ke atas pembekalan yang diperolehinya.

**Contoh 54:**

*Antonio Enterprise, sebuah kedai buku yang berdaftar CBP mengemukakan penyata CBP dalam tempoh bercukai bulanan menerima bekalan buku pada 31 Mei 2009 berjumlah RM100,000. Kedai buku tersebut menerima invoice bertarikh 6 Jun 2009 dan membuat pembayaran pada 10 Julai 2009. Kedai buku itu boleh menuntut cukai input dalam tempoh bercukai termasuk meliputi 6 Jun 2009 walaupun beliau tidak membuat apa-apa bayaran.*

(b) Asas Pembayaran

Seseorang orang berdaftar yang telah dibenarkan mengakaun CBP menggunakan asas pembayaran adalah layak untuk menuntut cukai input apabila beliau telah membuat pembayaran bagi pembekalan yang diperolehinya.

**Contoh 55:**

*Restoran Sedap merupakan restoran yang berdaftar CBP telah diluluskan untuk menggunakan asas pembayaran pada 1 Mei 2016. Restoran tersebut telah membeli peti sejuk baru pada 30 Ogos 2016 berjumlah RM3,000 dan menerima invoice bertarikh 8 September 2016. Pembayaran telah dibuat pada 4 Oktober 2016. Restoran ini layak untuk menuntut cukai input dalam tempoh bercukai meliputi 4 Oktober 2016 walaupun dia menerima invoice awal.*

## **Imbangan Cukai Input Terhadap Cukai Output**

42. Cukai input boleh dituntut secara mengimbangi cukai input terhadap cukai output. Orang yang berdaftar boleh menuntut cukai input tanpa perlu memadankan pembelian dengan pembekalan yang dibuat.

**Contoh 56:**



*Tudung Cantik Sdn. Bhd, kilang yang berdaftar CBP, mengeluarkan tudung dan menjualnya kepada pemborong, Warni Sdn. Bhd. berjumlah RM20,000 pada Jun 12, 2016. Pengilang memperolehi bahan mentah berjumlah RM12,720 (termasuk CBP RM720) pada 6 Jun 2016. Dalam penyata CBP bagi bulan Jun 2016, pengilang perlu mengakaun dan membayar CBP ke atas perkara-perkara berikut:*

*Cukai Output: RM20, 000 x 6% = RM1,200*

*Input cukai : RM720*

*Jumlah perlu dibayar kepada Kastam dalam penyata CBP bulan Jun*

*RM1,200 – RM720 = RM480*

### **Tempoh Untuk Menuntut Cukai Input**

43. Jika cukai input tidak dituntut dalam tempoh bercukai di mana beliau sepatutnya menuntut, maka orang kena cukai boleh menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung dalam tempoh enam tahun selepas tarikh berlaku pembekalan atau pengimportan

#### **Contoh 57:**

*Seorang yang berdaftar dikenakan CBP ke atas caj telefon berjumlah RM200 melalui invois bertarikh 15 Disember 2015. Dia berhak untuk menuntut cukai input dalam penyata bagi tempoh bercukai yang berakhir 31 Disember 2015. Walau bagaimanapun, beliau gagal untuk menuntut cukai input. Beliau boleh menuntut cukai input dalam penyata cukai berikutnya sehingga tempoh bercukai berakhir pada 31 Disember 2021. Selepas tarikh 31 Disember 2021, beliau tidak lagi boleh menuntut cukai input tersebut.*

### **Bayaran Balik Cukai Input**

44. Bayaran balik akan dibuat kepada pihak yang menuntut jika jumlah cukai input melebihi jumlah cukai output.

#### **Contoh 58:**

*Jumlah cukai input dalam tempoh bercukai adalah RM50,000, manakala cukai output adalah RM30,000. Ketua Pengarah akan memulangkan baki sebanyak RM20,000 kepada orang yang berdaftar.*

(a) Bila masa bayaran balik dilakukan

Seorang orang berdaftar boleh menuntut cukai input di dalam penyata CBP yang dikemukakan kepada pihak Kastam. Jika amaun cukai input melebihi jumlah cukai output, maka baki akan dipulangkan. Sekiranya orang yang berdaftar mengemukakan penyata secara elektronik, pembayaran balik cukai input akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja, manakala bagi penyata yang diterima secara manual, pembayaran akan dibuat dalam tempoh 28 hari bekerja

**Contoh 59:**

*Seorang orang berdaftar mengemukakan penyata CBP secara elektronik pada 10 Januari 2013 (Khamis) dan layak untuk mendapatkan bayaran balik berjumlah RM10,000. Tarikh terakhir bayaran balik akan dibuat sebelum 31 Januari 2013 (tidak termasuk hari tidak bekerja dan cuti umum).*

Walau bagaimana pun, Ketua Pengarah boleh menahan bayaran balik sekiranya:

- (i) Orang yang berdaftar gagal mengemukakan penyata sebelumnya.
- (ii) Orang yang berdaftar gagal memberikan maklumat; atau
- (iii) Terdapat alasan yang munasabah bahawa bayaran balik tersebut bukan disebabkan oleh orang yang berdaftar.

(b) Pendaftaran Lewat

Seorang orang kena cukai dikehendaki membayar cukai bersih dan penalti kepada Kastam jika cukai output melebihi cukai input. Walau bagaimanapun, sekiranya cukai input melebihi cukai output, bayaran balik akan dibuat kepadanya.

(c) Bayaran balik dibawa ke hadapan

Seorang orang kena cukai boleh memohon secara bertulis untuk membawa sebarang bayaran balik cukai input ke hadapan dalam tempoh bercukai yang berikutnya. Di samping itu, Ketua Pengarah boleh mengarahkan mana-mana bayaran balik cukai input dibawa kepada tempoh bercukai yang berikutnya.

- (d) Imbangan cukai tidak dibayar terhadap bayaran balik cukai input
- Sebarang pembayaran balik kredit cukai input boleh diimbangi (offset) dengan CBP yang tidak dibayar, duti eksais, duti import dan eksport.

**Contoh 60:**

*Seorang orang berdaftar mempunyai bayaran balik cukai berjumlah RM5,000. Walau bagaimanapun, beliau berhutang CBP sebanyak RM2,000 dan duti eksais RM1,500. Bayaran balik cukai sebanyak RM5,000 akan diimbangi terhadap amaun yang masih belum dibayar sebanyak RM3,500. Akibatnya, orang berdaftar tersebut hanya layak mendapat bayaran balik cukai sebanyak RM1,500.*

## **BAYARAN BALIK CUKAI INPUT DI MANA BALASAN TIDAK DIBAYAR**


### **Kegagalan Membayar CBP dalam tempoh Enam Bulan dari Tarikh Pembekalan**

45. Jika seorang orang berdaftar gagal untuk membayar balasan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan diperolehi yang dibuat oleh pembekal dalam tempoh enam bulan dari tarikh pembekalan dan beliau telah menuntut cukai input ke atas pembekalan tersebut, orang kena cukai dikehendaki membayar balik cukai input dengan mengakaun amaun bersamaan dengan cukai input sebagai cukai output beliau. Beliau dikehendaki mengakaunkan cukai output dalam tempoh bercukai termasuk bulan selepas tempoh enam bulan.

**Contoh 61:**

*Evans Sdn. Bhd mengakaunkan cukai secara bulanan dan telah membeli sebuah lori pada 26 Mac 2016 (invois yang dikeluarkan pada tarikh yang sama) berjumlah RM150,000 yang akan digunakan dalam mengangkut*

barang-barang untuk pelanggan beliau. Walau bagaimanapun, syarikat itu menuntut cukai input sebanyak RM9,000 ( $RM150,000 \times 6\%$ ) dalam tempoh bercukai meliputi Mac 2016. Syarikat tersebut telah membayar RM106,000 (termasuk CBP RM6,000) kepada pembekal lori pada 5 April 2016. Baki sejumlah RM50,000 akan dibayar pada 15 Disember 2016. Syarikat dikehendaki mengakaun dan membayar RM3,000 ( $RM50,000 \times 6\%$ ) sebagai cukai output dalam tempoh bercukai termasuk bulan Oktober 2016 (6 bulan selepas tarikh pembekalan).



### Tuntutan Balik CBP Selepas Pembayaran Kepada Pembekal Dilakukan

46. Seorang yang berdaftar telah menuntut cukai input tetapi gagal untuk membayar kepada pembekal dalam tempoh enam bulan dari tarikh pembekalan dikehendaki membayar balik cukai input sebagai cukai output beliau. Kemudian, beliau membayar kepada pembekal sebagai balasan ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan dan beliau berhak untuk menuntut kembali cukai output yang dikatakan sebagai cukai input bagi tempoh bercukai di mana beliau membuat pembayaran.

#### **Contoh 62:**

*Evans Sdn. Bhd.* telah mengakaun dan membayar cukai output sebanyak RM3,000 dalam penyata bulan Oktober akibat kegagalan untuk membayar kepada pembekal. Syarikat tersebut melunaskan bayaran sebanyak RM50,000 kepada pembekal pada 15 Disember 2016. Memandangkan beliau telah membuat pembayaran kepada pembekal, maka dia berhak untuk

*menuntut CBP yang dibayar sebagai cukai input dalam tempoh bercukai termasuk bulan Disember 2016.*

### **Pelepasan Hutang Lapuk**

47. Hutang lapuk adalah amaun yang terhutang yang tidak boleh dipungut dan segala usaha yang munasabah untuk memungut telah dilakukan. Seseorang itu berhak untuk mendapatkan pelepasan hutang lapuk tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) CBP sudah dibayar;
- (b) orang itu tidak menerima apa-apa bayaran atau sebahagian daripada bayaran 6 bulan dari tarikh pembekalan atau penghutang telah menjadi mufliis (bankrap, gulung tikar atau penerimaan) sebelum enam bulan telah berlalu, dan
- (c) usaha yang mencukupi telah dibuat untuk mendapatkan semula hutang.

48. Jika orang itu belum menerima apa-apa bayaran berkenaan dengan pembekalan bercukai, beliau boleh membuat potongan atau tuntutan bagi keseluruhan cukai yang dibayar. Walau bagaimanapun, jika beliau telah menerima sebahagian daripada bayaran beliau boleh menolak atau menuntut amaun yang dikira mengikut formula:

$$\frac{A1}{B} \times C$$

di mana: A1 adalah pembayaran tidak diterima dalam berkenaan dengan pembekalan bercukai;

B ialah balasan bagi pembekalan bercukai; dan

C ialah cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan bercukai.

49. Sekiranya dimana pelepasan hutang lapuk telah dibuat oleh Ketua Pengarah dan kemudiannya pembayaran telah diterima oleh orang itu, beliau dikehendaki membayar kepada Ketua Pengarah amaun yang dikira mengikut formula berikut:

$$\frac{A2}{B} \times C$$

di mana: A2 ialah bayaran yang diterima berkenaan dengan pembekalan bercukai;

B ialah balasan bagi pembekalan bercukai; dan

C ialah cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas pembekalan bercukai.

## CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN PENDAFTARAN


### Pra-penubuhan

50. CBP yang ditanggung ke atas perkhidmatan semasa pra-penubuhan seperti kesetiausahaan, perkhidmatan undang-undang dan pentadbiran tidak layak untuk kredit cukai input kerana perkhidmatan tersebut diperolehi sebelum penubuhan.

### Pra-Pendaftaran

51. CBP yang ditanggung ke atas perkhidmatan yang diperolehi sebelum pendaftaran (sama ada pendaftaran mandatori dan sukarela termasuk pendaftaran lewat) tidak layak untuk kredit cukai input. Walau bagaimanapun, dalam kes barang termasuk harta modal, orang berdaftar itu berhak untuk menuntut cukai input terhadap barang-barang yang dimiliki pada masa pendaftaran.

52. Cukai input terhadap mana-mana aset dalam pegangan boleh dituntut atas nilai buku dalam tempoh 6 tahun dari tarikh pendaftaran tanpa mengira bila aset diperolehi. Dalam kes tanah dan bangunan, tuntutan cukai input adalah mengikut nilai aset di pasaran terbuka atau nilai buku yang mana lebih rendah.




**Contoh 63:**

Sebuah syarikat pengilangan membeli jentera yang bernilai RM5,000,000 pada tahun Jun 2016 dan membayar CBP berjumlah RM300,000. Syarikat didaftarkan pada April 2020. Pada masa pendaftaran, nilai buku jentera tersebut adalah RM500,000. Memandangkan syarikat membuat pembekalan bercukai keseluruhan maka syarikat layak untuk menuntut cukai input pada baki RM500,000 (iaitu  $RM500,000 \times 6\% = RM30,000$ ).

**Pendaftaran Biasa**

53. Bagi aset yang diperoleh selepas tarikh pendaftaran, tuntutan cukai input adalah pada nilai barang pada masa pembekalan. Cukai input boleh dituntut 6 tahun selepas tarikh pembekalan.



54. Sekiranya orang kena cukai gagal untuk menuntut cukai input pada masa pendaftaran, beliau layak untuk menuntut cukai input mengikut nilai buku barang tersebut 6 tahun selepas tarikh pembekalan.

**Pendaftaran Lewat**

55. Jika seseorang itu lewat mendaftar pada tarikh yang beliau menjadi kena didaftarkan, beliau berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas:

- (a) barang-barang dalam pegangan pada masa dia berkewajipan untuk didaftarkan; dan
- (b) barang atau perkhidmatan yang digunakan dalam membuat pembekalan bercukai sepanjang tempoh beliau menjadi berkewajipan untuk didaftarkan.

**Contoh 64:**

*Seorang individu wajib didaftarkan pada 1 Januari 2016. Walau bagaimanapun, beliau tampil untuk didaftarkan pada 1 April 2016.*

- (i) *Pada masa beliau wajib didaftarkan beliau mempunyai stok simpanan dengan cukai input bernilai RM30,000 dan harta modal yang baki nilai adalah RM1,500,000.*
- (ii) *beliau telah menanggung cukai input berjumlah RM10,000 untuk pembekalan yang dibuat semasa tempoh kelewatan pendaftaran.*

*Sepanjang tempoh kelewatan pendaftaran beliau membuat pembekalan bercukai berjumlah RM1,450,000.*

$$\begin{aligned} \text{Cukai input: } & \text{RM10,000} + \text{RM30,000} + \text{RM90,000} \\ & (\text{RM1,500,000} \times 6\%) \\ & = \text{RM130,000} \end{aligned}$$

*Bagi tempoh pendaftaran lewat penyata beliau akan meliputi:*

$$\text{Amaun cukai dibayar: } \text{RM1,450,000} \times 6\% = \text{RM87,000}$$

*Tempoh Pendaftaran Lewat: 1.1.2016 – 31.3.2016 (90 hari)*

*Amaun penalti yang kena dibayar: RM750*

$$\text{Jumlah dibayar: } \text{RM87,000} + \text{RM750} = \text{RM87,750}$$




*Dalam kes ini, cukai input melebihi cukai output. Beliau berhak kepada bayaran balik sebanyak RM42,250 (RM130,000 - RM87,750)*

*Selain penyata untuk tempoh pendaftaran terdahulu, beliau perlu mengemukakan satu lagi penyata bagi tempoh semasa bercukai iaitu penyata bulan April.*

(c) Perolehan aset

Bagi aset yang diperolehi sebelum tarikh beliau kena didaftarkan, beliau layak untuk menuntut cukai input asset tersebut atas nilai buku tanpa mengira bila aset tersebut diperolehi. Bagi tanah dan bangunan, tuntutan input cukai adalah pada nilai pasaran terbuka atau nilai buku aset tersebut yang mana lebih rendah.



Walau bagaimanapun, jika beliau didaftarkan selepas tempoh enam tahun daripada tarikh beliau wajib didaftarkan, beliau tidak layak untuk menuntut cukai input yang diperolehi sebelum tarikh beliau wajib didaftarkan.


**Contoh 65:**

*AMM Sdn. Bhd telah mencapai nilai ambang RM500,000 dan wajib didaftarkan pada bulan April 2015. Walau bagaimanapun, beliau tampil untuk mendaftar pada bulan Januari 2023. Barang yang diperolehi oleh syarikat adalah seperti berikut:*

*Feb 2014 --- Komputer --- RM250,000*

*Jun 2017 ----Perabot pejabat --- RM150,000*

*Mac 2021 -- Kenderaan bermotor ---- RM200,000.*



*AMM Sdn. Bhd. berhak untuk menuntut cukai input ke atas aset yang diperolehi pada bulan Jun 2017 dan Mac 2021. Aset-aset yang yang diperolehi pada bulan Februari 2014 tidak boleh dituntut.*


Sebaliknya, aset yang diperolehi selepas tarikh di mana beliau wajib didaftarkan, tuntutan cukai input hanya ke atas nilai aset pada masa pembekalan. Cukai input boleh dituntut 6 tahun selepas tarikh beliau wajib didaftarkan.

Jika orang kena cukai gagal untuk menuntut cukai input pada masa beliau didaftarkan, beliau berhak untuk menuntut cukai input 6 tahun dari tarikh beliau wajib didaftarkan.

**Contoh 66:**

*ABC Sdn. Bhd. wajib kena didaftarkan pada tahun 2015 tetapi tampil untuk mendaftar pada tahun 2019. Bagi aset yang dibeli selepas beliau wajib kena didaftarkan, beliau boleh menuntut cukai input dalam tempoh 6 tahun selepas tarikh beliau kena didaftarkan.*

*ABC Sdn. Bhd. boleh menuntut cukai input pada barang yang dibeli mulai tahun 2015 sehingga tahun 2021. Memandangkan beliau didaftarkan pada tahun 2019 dan gagal untuk menuntut cukai input pada tarikh pendaftaran, beliau mempunyai baki 2 tahun lagi untuk menuntut cukai input iaitu mulai 2020 sehingga tahun 2021.*



### **Pembatalan pendaftaran**

56. Apabila pendaftaran telah dibatalkan, orang tersebut tidak boleh menuntut cukai input bagi pembekalan yang diperolehi pada atau selepas tarikh pembatalan pendaftaran. Walau bagaimanapun, beliau perlu mengakaun cukai ke atas stok dan pegangan harta modal sebagai cukai output jika cukai input telah dituntut untuk barang-barang itu. Bagi pembekalan bercampur di mana aset perniagaan digunakan untuk membuat pembekalan yang dikecualikan dan beliau telah menamatkan perniagaan, beliau tidak perlu untuk mengakaun CBP. Beliau hanya perlu mengakaun CBP jika cukai input ke atas aset dibenarkan. Begitu juga jika beliau membeli barang daripada orang bukan kena cukai dan beliau menamatkan perniagaan, beliau juga tidak perlu untuk mengakaunkan CBP.

57. Jika seseorang gagal menuntut apa-apa cukai input selain daripada cukai input yang dinyatakan selepas pembatalan pendaftaran, beliau masih layak untuk menuntut cukai input tersebut selepas pembatalan pendaftarannya dengan syarat bahawa tuntutan itu dibuat dalam tempoh satu tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran atau dalam tempoh enam tahun dari tarikh pembekalan yang mana

lebih awal. Beliau perlu mengakaunkannya pada penyata asal di mana beliau gagal untuk menuntut cukai input.

**Contoh 67:**

*Syarikat Cole memohon pembatalan pendaftaran pada 31 Julai 2016. Dalam tempoh bercukai terakhir syarikat tersebut telah membuat pembekalan bercukai berjumlah RM65,000, pegangan saham sebanyak RM50,000, nilai buku harta modal RM750,000 dan menanggung cukai input berjumlah RM32,000.*

*Selepas pembatalan pendaftaran beliau perlu mengakaun cukai bersih kepada Kastam seperti berikut:*

$$\begin{aligned} \text{Cukai output} &= (\text{RM}50,000 + \text{RM}750,000 + \text{RM}65,000) \times 6\% \\ &= \text{RM}51,900 \end{aligned}$$

*Cukai input: RM32,000*

*Cukai bersih yang perlu dibayar: RM51,900 - RM32,000 = RM19,900*

*Mana-mana cukai input yang ditanggung selepas 31 Julai 2016 tidak layak untuk dituntut.*

**Selepas Pembatalan Pendaftaran**

58. Seseorang yang telah tetapi tidak lagi menjadi orang berdaftar adalah layak untuk menuntut cukai input bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan proses pembatalan pendaftaran seperti audit dan yuran setiausaha. Sebarang tuntutan selepas pembatalan pendaftaran mesti dibuat dengan menggunakan borang JKED2.

**Contoh 68:**

*Syarikat Cole memohon untuk pembatalan pendaftaran pada 31 Julai 2016. Pada 15 Ogos 2016 Syarikat Cole menanggung CBP berjumlah RM5,000 bagi bayaran yuran audit dan kesetiausahaan. Jumlah*

*RM5,000 adalah layak dituntut sebagai cukai input walaupun syarikat Cole tidak lagi berdaftar pada masa beliau menerima invois cukai daripada syarikat perakaunan dan kesetiausahaan.*

## **CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN URUSNIAGA KHAS DAN SKIM KHAS**

### **Pemindahan Perniagaan Secara Berterusan**

59. Pemindahan perniagaan secara berterusan dari seorang orang kena cukai kepada orang lain tidak dianggap sebagai pembekalan bagi tujuan CBP tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua Akta CBP 20XX. Oleh itu, tidak ada cukai input yang boleh dituntut oleh penerima pindahan. Walau bagaimanapun, apa-apa CBP yang ditanggung oleh kedua-dua pihak yang berkaitan dengan pemindahan perniagaan secara berterusan seperti yuran guaman dan perakaunan semasa proses pemindahan adalah layak untuk kredit cukai input.

60. Jika aset perniagaan telah dipindahkan sebagai pemindahan perniagaan secara berterusan dan terdapat pengurangan penggunaan bercukai, penerima pindahan dikehendaki untuk mengakaunkan cukai input yang dituntut oleh pemindah sebagai cukai output untuk menggambarkan pengurangan dalam penggunaan bercukai. Cukai output hendaklah diikrar dalam penyata CBP dalam tempoh bercukai di mana pengurangan dalam penggunaan bercukai berlaku. Syarat ini juga terpakai dalam situasi di mana orang kena cukai ingin mengurangkan penggunaan cukai aset perniagaan. Pada masa yang sama, syarat ini tidak terpakai ke atas harta modal yang bernilai lebih daripada RM100,000 memandangkan harta modal tertakluk kepada pelarasan harta modal.

### **Usaha Sama**

61. Dalam usaha sama, pembekalan boleh diperolehi oleh pengendali usahasama atau pengusaha. Apa-apa perolehan pembekalan oleh pengendali usahasama untuk tujuan usaha sama, beliau layak untuk menuntut cukai input atas pembekalan tersebut. Dalam kes di mana pengusaha yang memperolehi apa-apa pembekalan berkenaan usaha sama itu, beliau juga layak untuk menuntut cukai input atas pembekalan tersebut.

#### ***Contoh 69:***

*Indah Carigali yang merupakan pengendali usaha sama menanggung CBP berjumlah RM2,000,000 ke atas pembelian pelantar minyak. Pada masa yang*

*sama, Kerang Pte. Ltd yang merupakan pengusaha yang membeli pam hidraulik dan menanggung CBP berjumlah RM20,000. Kedua-dua Indah Carigali dan Kerang Pte. Ltd masing-masing boleh menuntut kredit cukai input sebanyak RM2,000,000 dan RM20,000. Memandangkan Kerang Pte. Ltd telah menuntut kredit cukai input sebanyak RM20,000, Indah Carigali tidak boleh menuntut cukai input yang telah dituntut oleh Kerang Pte. Ltd.*

### **Skim Kadar Sama Rata**

62. Di bawah Skim Kadar Sama Rata, orang yang diluluskan untuk menjalankan aktiviti yang ditetapkan boleh mengenakan bayaran tambahan kadar sama rata kepada orang yang berdaftar. Seorang yang berdaftar boleh menuntut tambahan kadar rata ke atas pembekalan bercukai barang yang diperolehinya.

#### **Contoh 70:**

*Seorang penanam tembakau yang merupakan seorang yang diluluskan di bawah Skim Kadar Sama Rata membekalkan tembakau kepada Cigaretto Sdn. Bhd. bernilai RM6,000. Beliau mengeluarkan invois dan mengenakan tambahan kadar sama rata tetap (1%) ke atas pembekalan tembakau kepada syarikat itu bagi amaun sebanyak RM6,060. Syarikat tersebut sebagai orang yang berdaftar, boleh menuntut kredit cukai input berdasarkan tambahan kadar sama rata sebanyak RM60.*

### **Pasaran Modal**

63. Dalam pasaran ekuiti, broker saham dan remisier dianggap sebagai satu entiti dan begitu juga, broker niaga hadapan dan wakil broker niaga hadapan juga dianggap sebagai satu entiti di bawah pasaran niaga hadapan. Apa-apa cukai input yang ditanggung oleh remisier atau wakil broker niaga hadapan bagi maksud perniagaan seperti perkhidmatan telekomunikasi hendaklah dituntut oleh broker saham atau broker niaga hadapan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kerana pendaftaran adalah atas nama broker saham atau broker niaga hadapan. Remisier atau wakil broker niaga hadapan tidak boleh menuntut cukai input yang ditanggung olehnya. Di samping itu, broker saham atau broker niaga hadapan boleh menuntut apa-apa cukai input yang ditanggung olehnya untuk tujuan perniagaan.

**Contoh 71:**

*Seorang broker saham menanggung CBP berjumlah RM150,000 untuk perbelanjaan pentadbiran dan komisen broker dalam menjalankan perniagaan broker saham. Broker saham mempunyai 50 remisier di bawah jagaannya. Dalam menjalankan perkhidmatan broker, seorang remisier menanggung CBP ke atas perkhidmatan telekomunikasi, bayaran letak kereta dan perkhidmatan internet yang berjumlah RM150. Broker saham boleh menuntut CBP berjumlah RM150,000 bagi perbelanjaan pentadbiran. Di samping itu, beliau juga boleh menuntut RM150 bagi pihak remisier yang kemudiannya beliau membayar balik kepada remisier itu. Memandangkan broker saham telah menuntut RM150 bagi pihak remisier tersebut, maka remisier itu tidak boleh menuntut CBP sebanyak RM150 yang ditanggungnya.*

**CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN PENGGUNAAN SENDIRI**

64. Dalam menjalankan perniagaan, beberapa pembekalan digunakan secara dalaman oleh kakitangan atau pengarah perniagaan manakala beberapa pembekalan kemudiannya digunakan secara dalaman untuk membuat pembekalan bersepadu. Pembekalan bersepadu merupakan pembekalan oleh orang yang sama yang menjadi input untuk membuat pembekalan lain. Hak untuk menuntut cukai input atas pembekalan yang digunakan untuk kegunaan sendiri bergantung sama ada ia digunakan untuk perniagaan atau tujuan peribadi.

**Pembekalan Digunakan oleh Pengarah atau Staf**

65. Sesetengah aset perniagaan digunakan untuk tujuan perniagaan serta kegunaan peribadi. Jika aset perniagaan digunakan untuk tujuan perniagaan, seorang orang berdaftar dibenarkan untuk menuntut cukai input atas aset perniagaan. Walau bagaimanapun, orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengakaunkan CBP di atas penggunaan aset perniagaan untuk kegunaan peribadi.

**Contoh 72:**

*Renta Kanopi Sdn. Bhd, sebuah syarikat yang berdaftar CBP membeli kanopi dan khemah-khemah bernilai RM45 000 dan menuntut cukai input berjumlah*

*RM1,800. Syarikat tersebut menyewakan kanopi Arabian/Gazebo untuk acara-acara dan fungsi dengan harga RM250/kanopi setiap hari. Seorang pengurus kanan menggunakan 10 kanopi syarikat di majlis perkahwinan anaknya selama 2 hari. Walau bagaimanapun, syarikat tersebut dikehendaki untuk mengakaunkan CBP pada penggunaan peribadi kanopi iaitu  $6\% \times RM5,000 (RM250 \times 10 \times 2) = RM300$ .*

### **Bekalan Bersepadu Yang Digunakan untuk Membuat Pembekalan bercukai**

66. Seorang orang kena cukai membuat produk yang kemudiannya digunakan untuk membuat satu lagi pembekalan bercukai. Jika orang kena cukai menggunakan produk untuk membuat satu lagi pembekalan bercukai, beliau dibenarkan untuk menuntut apa-apa cukai input atas pembekalan yang digunakan dalam membuat produk pembekalan bersepadu.

#### **Contoh 73:**

*Alee Sdn. Bhd, sebuah syarikat pengilangan membeli resin bernilai RM20,000 dan membayar CBP berjumlah RM1,200 untuk pengeluaran botol plastik. Botol plastik digunakan sebagai bekas untuk air mineral. Syarikat boleh menuntut cukai input di atas resin plastik yang digunakan untuk membuat botol plastik (produk bersepadu) berjumlah RM800 yang digunakan sebagai bekas untuk air mineral.*

### **Produk Bersepadu Yang Digunakan untuk Membuat Pembekalan dikecualikan**

67. Sesetengah perniagaan boleh menggunakan produk bersepadu untuk membuat suatu pembekalan dikecualikan. Dalam kes sedemikian, orang kena cukai tidak dibenarkan untuk menuntut apa-apa cukai input atas pembekalan yang digunakan untuk membuat produk bersepadu.

#### **Contoh 74:**

*Syarikat pemaju perumahan membuat parit pemetung yang akan digunakan untuk membina sebuah rumah kediaman. Cukai input ke atas simen dan pasir tidak dibenarkan untuk dituntut kerana rumah kediaman merupakan pembekalan dikecualikan.*



## **CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN PERUBAHAN PENGGUNAAN**

68. Secara umumnya, cukai input boleh dituntut apabila orang kena cukai bercadang untuk menggunakan input untuk membuat pembekalan bercukai. Perubahan penggunaan berlaku apabila orang kena cukai menggunakan atau bercadang untuk menggunakan barang atau perkhidmatan dalam:

- (a) membuat pembekalan dikecualikan atau kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan daripada pembekalan bercukai;
- (b) membuat pembekalan dikecualikan, dan bukannya kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, atau
- (c) penerusan membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, tetapi mengurangkan bahagian pembekalan bercukai kepada pembekalan dikecualikan.

69. Walau bagaimanapun, cukai input tidak boleh dituntut apabila seorang orang kena cukai bercadang untuk menggunakan input untuk membuat pembekalan dikecualikan. Perubahan penggunaan juga berlaku apabila orang kena cukai menggunakan atau bercadang untuk menggunakan barang atau perkhidmatan dalam:

- (a) membuat pembekalan bercukai atau kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan daripada pembekalan dikecualikan;
- (b) membuat pembekalan bercukai, dan bukannya kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, atau
- (c) penerusan membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, tetapi meningkatkan bahagian pembekalan bercukai kepada pembekalan dikecualikan.

70. Apabila terdapat perubahan penggunaan, orang kena cukai tersebut hendaklah membuat pelarasan kepada cukai input yang telah dituntut sebelum ini. Perubahan penggunaan akan membawa kepada lebih potongan atau kurang tuntutan cukai input. Dalam hal harta modal dengan nilai lebih daripada RM100,000,

pelarasan harta modal akan digunakan. Dalam kes di mana nilai harta modal kurang daripada RM100,000, pengecualian separa perlu digunakan.

71. Lebihan potongan akan berlaku apabila peratusan penggunaan untuk pembekalan bercukai telah menurun. Sebaliknya, kurang tuntutan merujuk kepada keadaan di mana peratusan penggunaan untuk pembekalan bercukai telah meningkat.

### **Lebihan Potongan**

72. Jika orang berdaftar telah terlebih tolak cukai input hasil daripada perubahan penggunaan barang atau perkhidmatan yang diperolehi, beliau dikehendaki membuat pelarasan ke atas cukai input terlebih potong sebagai cukai output dalam penyata cukai bagi tempoh bercukai di mana perubahan penggunaan berlaku dan hendaklah membayar balik cukai yang sewajarnya.

#### ***Contoh 75:***

*Pada Januari 2016, INSURCO Sdn. Bhd, sebuah syarikat insurans berdaftar CBP membeli 3 mesin fotostat berjumlah RM15,000 dan menanggung CBP RM900 yang akan digunakan dalam menyediakan insurans am. Pada masa pembelian, INSURCO telah menuntut 100% cukai input sebanyak RM900. Pada akhir tahun, INSURCO telah menggunakan mesin fotostat untuk menyediakan insurans hayat. Syarikat hendaklah membayar balik lebihan potongan CBP sebanyak RM900 sebagai cukai output di dalam penyata cukai di mana perubahan penggunaan berlaku.*

#### ***Contoh 76:***

*Pada Januari 2016, INSURCO Sdn. Bhd, sebuah syarikat insurans berdaftar CBP membeli 3 mesin fotostat berjumlah RM15,000 dan menanggung CBP RM900 yang akan digunakan dalam menyediakan insurans hayat dan am. Pada masa pembelian, syarikat telah menuntut 70% daripada cukai input sebanyak RM630. Pada akhir tahun, INSURCO telah menggunakan mesin fotostat untuk menyediakan insurans hayat sahaja. INSURCO hendaklah membayar balik lebihan potongan CBP sebanyak RM630 sebagai cukai output dalam penyata cukai di mana perubahan penggunaan berlaku.*

**Contoh 77:**

*Pada Januari 2016, INSURCO Sdn. Bhd, sebuah syarikat insurans berdaftar CBP membeli 3 mesin fotostat berjumlah RM15,000 dan menanggung CBP sebanyak RM900 yang akan digunakan dalam menyediakan insurans hayat dan am. Pada masa pembelian, INSURCO telah menuntut 70% daripada cukai input sebanyak RM630. Walau bagaimanapun, penggunaan sebenar penyediaan insurans am ialah 60% iaitu RM540. INSURCO dikehendaki membayar 10% (RM90) sebagai cukai output dalam penyata cukai di mana perubahan penggunaan berlaku.*

**Kurang Tuntut**

73. Jika seseorang orang berdaftar telah kurang tuntutan cukai input akibat perubahan penggunaan barang-barang atau perkhidmatan yang diperolehi, beliau dikehendaki untuk membuat pelarasan ke atas cukai input yang terkurang tuntutan sebagai cukai input didalam penyata cukai bagi tempoh bercukai di mana perubahan penggunaan berlaku.

**Contoh 78:**

*Pada Januari 2016, INSURCO Sdn. Bhd, sebuah syarikat insurans yang berdaftar CBP membeli 3 mesin fotostat berjumlah RM15,000 dan ditanggung CBP sebanyak RM900 yang akan digunakan dalam menyediakan insurans hayat. Pada masa pembelian, INSURCO tidak menuntut cukai input sebanyak RM900. Pada akhir tahun, INSURCO telah menggunakan mesin fotostat untuk menyediakan insurans am. INSURCO boleh menuntut kurang tuntutan CBP sebanyak RM900 sebagai cukai inputnya dalam borang cukai di mana perubahan penggunaan berlaku.*

**Contoh 79:**

*Pada Januari 2011, INSURCO Sdn. Bhd, sebuah syarikat insurans yang berdaftar CBP membeli 3 mesin fotostat berjumlah RM15,000 dan ditanggung CBP sebanyak RM600 yang akan digunakan dalam menyediakan insurans hayat dan am. Pada masa pembelian, INSURCO telah menuntut 70% daripada cukai input sebanyak RM630. Walau bagaimanapun, penggunaan sebenar penyediaan insurans am adalah 80% iaitu RM720. Syarikat adalah*

layak untuk menuntut 10% (CBP RM90) sebagai cukai inputnya dalam penyata cukai di mana perubahan penggunaan berlaku.

## CUKAI INPUT BERHUBUNG DENGAN ASAS PERAKAUNAN

### Perubahan Asas Perakaunan

74. Apabila perubahan dalam asas perakaunan iaitu dari asas invois epada asas pembayaran atau sebaliknya telah diluluskan oleh Ketua Pengarah, orang berdaftar dikehendaki:

- (a) mengira cukai yang kena dibayar atau dikembalikan;
- (b) membuat pelarasan yang perlu untuk cukai dengan memasukkan cukai yang kena dibayar atau dikembalikan; dan
- (c) memberitahu Ketua Pengarah dalam penyata yang pertama di mana perubahan asas perakaunan berlaku.

75. Pengiraan ini memerlukan suatu senarai pemiutang dan senarai penghutang disediakan yang mengenalpasti jumlah yang terhutang oleh dan kepada orang yang berdaftar pada hari terakhir tempoh bercukai sebelum perubahan berlaku. Pelarasan kepada cukai output dan cukai input kemudiannya dikira dengan merujuk kepada senarai ini.

### **Contoh 80:**

Seorang peruncit, Schaltz Sdn. Bhd. mengakaunkan cukai menggunakan asas invois. Beliau telah diberi kelulusan menggunakan asas pembayaran bermula 1 Julai 2016. Pada 30 Jun 2016, jumlah amaun terhutang kepada pemiutang ialah RM50,000 termasuk CBP dan jumlah yang dihutang oleh penghutang adalah RM250,000 termasuk CBP. Senarai pemiutang dan penghutang pada 30 Jun 2016 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>PEMIUTANG</b>		<b>PENGHUTANG</b>	
	<b>Nama</b>	<b>Amaun (RM)</b>	<b>Nama</b>	<b>Amaun (RM)</b>
1.	Lisa Sdn Bhd.	6,240	Yus Sdn Bhd	50,000

2.	<i>Hani Sdn Bhd</i>	<i>15,000</i>	<i>Faz Sdn Bhd</i>	<i>70,000</i>
3.	<i>Suri Sdn. Bhd</i>	<i>9,000</i>	<i>Zie Sdn Bhd</i>	<i>70,000</i>
4.	<i>Sari Sdn Bhd</i>	<i>8,000</i>	<i>Rie Sdn Bhd</i>	<i>40,000</i>
5.	<i>Kari Sdn Bhd</i>	<i>12,000</i>	<i>Tin Sdn Bhd</i>	<i>20,000</i>
	<b>JUMLAH</b>	<b>50,000</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>250,000</b>

*Cukai dikembalikan kepada orang yang berdaftar adalah RM11,320.75 dikira seperti berikut:*

*Pemiutang – Penghutang*

*RM50,000 – RM250,000 = (RM200,000)*

*(RM200,000) x 6/106 = (RM11,320.75)*

*Jumlah RM11,320.75 akan diikrarkan sebagai cukai input dalam penyata pertama selepas asas pembayaran berlaku.*

*Dalam kes apabila Schaltz Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk mengubah asas perakaunan daripada pembayaran kepada asas invois beliau perlu membuat pelarasan seperti berikut:*

*Penghutang – Pemiutang*

*RM250,000 – RM50,000 = RM200,000*

*RM200,000 x 6/106 = RM11,320.75*

*Schaltz Sdn. Bhd hendaklah mengakaunkan cukai output sebanyak RM11,320.75 dalam penyata pertama selepas asas invois berlaku.*

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### Kelayakan Cukai Input

**S1: Saya seorang peruncit dan orang berdaftar CBP. Saya melabur wang lebihan saya dalam pelaburan hartanah dan unit amanah. Saya menanggung CBP ke atas pelaburan ini. Adakah saya layak untuk menuntut cukai input?**

J1. Ya, anda berhak untuk menuntut cukai input kerana pelaburan dalam unit amanah adalah pembekalan kewangan sampingan dikecualikan dan sebagai

peruncit anda tidak berada dalam perniagaan menyediakan perkhidmatan kewangan. Dalam kes harta, cukai input yang ditanggung dalam pelaburan boleh dituntut jika terdapat hubungan langsung dan terus antara perolehan dan pembekalan bercukai.

**S2 Saya subkontraktor yang berdaftar CBP terlibat dalam aktiviti mengecat perabot. Selain daripada menjalankan aktiviti mengecat perabot, syarikat tersebut juga membekalkan bahan seperti cat, pencair bagi cat dan bahan kimia. Saya menjalankan perniagaan dari premis yang disewa. Adakah saya layak untuk menuntut cukai input?**

J2: Anda berhak untuk menuntut cukai input atas pembayaran sewa dan cukai input lain yang ditanggung.

**S3 Saya sebuah syarikat pengilang biskut berdaftar CBP. Dalam menjalankan perniagaan saya membeli 20 mesin penimbang digital pada harga RM100,000 (tidak termasuk CBP RM6,000) untuk bahagian pembungkusan. Selepas 5 tahun, saya menjual 10 mesin kepada pemilik tunggal yang bukan orang berdaftar CBP. Apakah layanan CBP?**

J3: Oleh kerana anda seorang orang kena cukai dan mesin penimbang digital yang digunakan adalah untuk penerusan perniagaan, anda berhak untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas mesin tersebut. Apabila anda menjual mesin tersebut, anda perlu mengenakan CBP kerana ia merupakan suatu pembekalan barang. Pemilik tunggal tidak berhak untuk menuntut cukai input walaupun dia telah menanggung cukai input kerana beliau tidak berdaftar CBP.

**S4: ABC Sdn. Bhd, seorang orang berdaftar CBP mengendalikan dana pencen. Selain menyewa bangunan pejabat, ABC juga melabur dana dalam pasaran modal untuk membayar dividen yang tinggi kepada pencarum. ABC juga terlibat dalam sebagai pengurus dana luar untuk pelaburan dana dan mengenakan yuran pengurusan untuk perkhidmatan pelaburan yang diberikan oleh pengurus dana luaran. Adakah ABC berhak menuntut CBP yang dibayar ke atas yuran pengurusan yang dikenakan oleh pengurus dana luar?**

J4: ABC tidak berhak untuk menuntut cukai input ke atas yuran pengurusan yang dikenakan oleh pengurus dana kerana pelaburan dana dalam pasaran modal adalah suatu pembekalan dikecualikan.

### **Cukai Input Dibenarkan**

**S5: Saya seorang pengumpul duit syiling. Saya dikenakan CBP setiap duit syiling yang saya beli. Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar?**

J5: Anda tidak boleh menuntut CBP yang dibayar pada syiling-syiling yang dibeli kerana pengumpulan koleksi duit syiling adalah hobi dan bukannya suatu perniagaan. Anda boleh membuat tuntutan CBP pada syiling tersebut jika anda menjalankan perniagaan duit syiling.

**S6: Saya sebuah syarikat perunding berdaftar CBP dan membeli satu set perabot antik dari Itali yang akan digunakan dalam ruang perniagaan berjumlah RM100,000 dan CBP RM6,000 pada Julai 2016. Bolehkah saya menuntut cukai input?**

J6: Anda boleh menuntut cukai input berjumlah RM6,000 dalam tempoh bercukai pada tarikh anda membeli perabot.

**S7. Saya telah membeli sebuah lukisan untuk pejabat saya di mana saya telah menuntut cukai input yang ditanggung ke atas lukisan itu. Selepas 6 bulan, saya membuat keputusan tidak memerlukan lukisan tersebut di pejabat dan mempamerkannya di rumah saya. Adakah saya perlu membayar balik cukai input yang saya telah tuntutan sebelumnya bagi lukisan itu?**

J7: Apabila anda mengalihkan lukisan untuk hiasan pejabat kepada kegunaan peribadi di rumah anda perlu mengakaunkan cukai output.

**S8: Saya seorang peruncit berdaftar CBP dan telah membeli 100 tin sardin bernilai RM600, yang mana 95 tin kemudiannya dijual dan 5 tin digunakan untuk penggunaan sendiri. Berapa banyak cukai input yang boleh saya tuntutan?**

- J8: Anda hanya boleh menuntut cukai input untuk pembelian 95 tin. Dengan mengandaikan kadar CBP sebanyak 6%, syarikat boleh membuat tuntutan sebanyak RM34.20 ( $RM600 \times 6\% \times 95/100$ ).
- S9: Saya seorang yang berdaftar CBP menjalankan perniagaan perhotelan. Kadang-kadang saya menyediakan bilik percuma kepada orang-orang seperti agen pelancongan atau penulis pelancongan. Bolehkah saya menuntut cukai input untuk bilik percuma?**
- J9: Bilik percuma tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, cukai input yang ditanggung untuk bilik percuma boleh dituntut kerana ia adalah untuk penerusan perniagaan.
- S10: Saya sebuah syarikat pembuatan sabun dan didaftarkan di bawah Akta CBP. Terdapat 75 pekerja di syarikat ini termasuk kakitangan pentadbiran. Setiap bulan saya menghadiahkan sabun bernilai RM30 kepada setiap pekerja. Bolehkah saya menuntut cukai input yang dilakukan ke atas hadiah sabun?**
- J10: Hadiah barangan kepada orang yang sama dalam tahun yang sama di mana jumlah kos tidak melebihi RM500 adalah bukan pembekalan. Oleh itu, hadiah sabun kepada pekerja bernilai RM360 setahun bukan merupakan pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Cukai input yang ditanggung ke atas pembelian sabun tersebut boleh dituntut.

### **Cukai Input Disekat**

- S11. Saya adalah syarikat yang berdaftar CBP dan membeli sebuah kereta untuk kegunaan pengarah saya. Saya tidak menuntut cukai input atas pembelian kereta penumpang kerana ia disekat. Setiap 4 bulan saya menanggung CBP pada perkhidmatan penyelenggaraan kereta. Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar ke atas perkhidmatan penyelenggaraan kereta?**
- J11: Anda boleh menuntut CBP yang telah dibayar ke atas perkhidmatan penyelenggaraan kereta.
- S12: Saya adalah syarikat yang berdaftar CBP. Saya ingin menganjurkan kejohanan golf untuk pelanggan saya sempena ulang tahun kedua**



**penubuhan syarikat. Bolehkah saya menuntut cukai input ke atas yuran padang dan makanan untuk pelanggan?**

J12: Anda hanya boleh membuat tuntutan cukai input yang ditanggung pada kejohanan golf yang diadakan untuk pelanggan-pelanggan anda yang sedia ada. Walau bagaimanapun, cukai input yang ditanggung bagi keraian untuk ahli keluarga dan pelanggan yang berpotensi adalah disekat.

**S13: Saya seorang pengimport kereta dan orang berdaftar CBP. Semasa pengimportan kereta-kereta tersebut, saya telah membayar duti import, duti eksais dan CBP. Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar ke atas pengimportan kereta-kereta?**

J13: Anda boleh menuntut cukai input atas kereta yang diimport kerana pengimportan kereta adalah sebahagian daripada stok perdagangan anda.

**S14: Saya seorang peniaga tunggal dan orang berdaftar CBP. Dalam menjalankan perniagaan saya, saya telah menyewa kereta bagi tujuan penghantaran barang kepada pelanggan saya. Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar ke atas kereta yang disewa?**

J14: Anda boleh menuntut CBP yang dibayar ke atas kereta yang disewa untuk tujuan perniagaan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah.

**S15: Saya sebuah syarikat berhad. Setiap tahun saya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan di mana para pemegang saham akan hadir dan melaksanakan hak mengundi mereka. Biasanya makan tengah hari akan disediakan. Adakah saya layak untuk menuntut cukai input atas perbelanjaan keraian yang disediakan kepada pemegang saham?**

J15: Anda berhak untuk menuntut cukai input ke atas perbelanjaan keraian yang disediakan kepada para pemegang saham kerana ia adalah untuk penerusan perniagaan.

#### **Pembekalan Kewangan Sampingan dikecualikan**

**S16: Saya sebuah syarikat telekomunikasi berdaftar CBP. Dalam usaha untuk meningkatkan modal, syarikat telah menerbitkan sukuk. Dalam mengeluarkan sukuk ini, syarikat menanggung cukai input atas**

**perkhidmatan pengurusan. Bolehkah saya menuntut CBP yang dikenakan ke atas bayaran perkhidmatan pengurusan?**

J16: Oleh kerana anda adalah sebuah syarikat telekomunikasi dan terbitan sukuk merupakan sampingan kepada perniagaan anda, anda dibenarkan untuk menuntut CBP yang dikenakan ke atas bayaran perkhidmatan pengurusan yang berkaitan dengan penerbitan sukuk.

**Cara Untuk Menuntut Cukai Input**

**S17: Dalam tempoh bercukai September 2016, saya kehilangan semua invois pembelian saya akibat banjir kilat. Adakah saya masih layak untuk menuntut cukai input bagi tempoh cukai itu?**

J17: Jika anda boleh mendapatkan salinan invois daripada pembekal anda, anda boleh menuntut cukai input bagi tempoh bercukai September 2012. Jika anda gagal untuk menuntut dalam tempoh bercukai September 2012, anda masih boleh membuat tuntutan cukai input dalam tempoh enam tahun dari tarikh pembekalan.

**Cukai Input Berkaitan Dengan Pendaftaran**

**S18: Saya sebuah syarikat pengangkutan dan pada 1 Januari 2016 saya telah membeli sebuah lori berharga RM250,000 dan saya telah membayar CBP sebanyak RM15,000. Saya menjadi orang berdaftar pada 1 Jun 2017. Nilai buku lori itu pada 1 Jun 2017 adalah RM200,000. Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar ke atas lori?**

J18: Anda tidak boleh menuntut jumlah keseluruhan CBP yang dibayar ke atas lori kerana anda hanya mendaftar untuk CBP pada 1 Jun 2010. Walau bagaimanapun, anda boleh menuntut sebahagian daripada CBP yang dibayar berdasarkan nilai buku iaitu RM12,000 (6% x RM200, 000).

**MAKLUM BALAS ATAU KOMEN**

76. Sebarang maklum balas atau komen sangat dihargai. Sila e-mel maklum balas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor @

customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi @ customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT**

77. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman Web GST : *www.gst.customs.gov.my*
- (b) Pusat Panggilan Kastam :
  - Tel : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
  - Fax : 03- 7806 7599
  - E-mel : *ccc@customs.gov.my*